

BAB IV

ANALISIS PEMBIAYAAN PENDIDIKAN MELALUI WAKAF DI ACEH: KAJIAN KES DI DAYAH TERPILIH

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan secara singkat sejarah institusi dayah di Aceh, dilanjutkan dengan data-data dari tiga dayah yang menjadi tempat kajian pengkaji untuk mengetahui objektif dari kajian ini iaitu berkaitan pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh serta mengenalpasti halangan-halangan dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh.

4.2 Sejarah Institusi Pendidikan Dayah di Aceh

Institusi pendidikan khas Aceh yang disebut dayah merupakan sebuah institusi yang pada awalnya memposisikan dirinya sebagai pusat pendidikan untuk mendidik calon-calon ulama. Kehadirannya sebagai sebuah institusi pendidikan Islam di Aceh diperkirakan hampir bersamaan dengan masuknya Islam ke Nusantara. Kata dayah berasal dari bahasa Arab, yakni *zawiyah*, yang bererti sudut.¹ Istilah *zawiyah*, yang secara literal bermakna sudut, diyakini oleh masyarakat Aceh pertama kali digunakan sudut masjid Madinah ketika Nabi Muhammad saw berdakwah pada masa-masa awal Islam. Pada abad pertengahan, kata *zawiyah* difahami sebagai pusat agama dan kehidupan mistik dari penganut tasawuf, kerana itu, didominasi hanya oleh ulama perantau, yang telah dibawa ke tengah-tengah masyarakat. Kadangkala institusi ini dibangun menjadi sekolah agama dan pada saat tertentu juga, *zawiyah* dijadikan sebagai pondok bagi pencari kehidupan spiritual. Besar

¹Muntasir, “Dayah dan Ulama Dalam Masyarakat Aceh,” dalam Sarwah, vol II, 43.

kemungkinan bahawa disebarkan ajaran Islam di Aceh oleh para pendakwah tradisional Arab dan sufi; Ini mengidentifikasi bagaimana *zawiyah* diperkenalkan di Aceh.² Di samping itu, nama lain dari dayah adalah *rangkang*. Perbezaannya, eksistensi dan peranan *rangkang* dalam kancah pembelajaran lebih kecil dibandingkan dengan dayah.

Ulama dayah merupakan suatu komuniti khusus di antara ulama Aceh. Mereka adalah alumni daripada dayah. Oleh kerana itu mereka dianggap lebih terhormat dibandingkan dengan orang yang menuntut ilmu di institusi pendidikan lain, seperti lulusan madrasah atau sekolah. Orang-orang yang belajar di tempat kecuali dayah dan mampu menguasai ilmu agama secara mendalam disebut sebagai “ulama moden”, walaupun perbezaannya tidak begitu jelas.³

Sementara *meunasah*, secara etimologi berasal daripada bahasa Arab, yakni madrasah, yang bererti tempat belajar. Dalam perjalanan waktu kata madrasah itu oleh masyarakat Aceh berubah menjadi *meunasah*.⁴ Terminologinya adalah tempat untuk salat dan juga digunakan untuk belajar tentang ilmu keislaman pada peringkat dasar termasuk orang yang mula belajar membaca al-Qur'an.⁵ Ismuha mengungkapkan bahawa keberadaan *meunasah* yang ada di setiap desa atau kampung di seluruh Aceh, sejak zaman kerajaan Aceh, digunakan sebagai tempat belajar agama, mengaji, sebagai tempat salat lima waktu, tempat mesyuarat, tempat penyelesaian permasalahan yang berlaku di tengah-tengah masyarakat dan sebagai tempat untuk berbagai aktiviti sosial dan keagamaan lainnya.⁶ Jadi kalau

²M. Hasbi Amiruddin, *Ulama Dayah: Pengawal Agama Masyarakat Aceh*, (Lhokseumawe: Nadiya Foundation, 2003), xi-xii

³M. Hasbi Amiruddin, “*Ulama Dayah: Peran dan Responnya terhadap Pembaruan Hukum Islam*,” dalam Dody S.Truna dan Ismatu Ropi (ed.), *Pranata Islam Di Indonesia* (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2002), 119.

⁴A. Hasyimi, *Mnera Johan*, (Bandung: Bulan Bintang, 1976), 104.

⁵Amiruddin, *Pranata Islam*, 119.

⁶Ismuha, ”*Ulama Aceh dalam Perspektif Sejarah*.” Dalam Taufik Abdullah (ed.), *Agama dan Perubahan Sosial*, (Jakarta: Raja grafindo Persada, 1996), 7.

disebut seseorang sebagai *Teungku meunasah*, maka dia ialah orang yang mengajar al-Qur'an dan sering menjadi imam salat di *meunasah*. Taufik Abdullah, dalam Ismail Sunni, mengatakan bahawa sebelum suatu kampung dibangun, masyarakat Aceh terlebih dahulu membangun *meunasah* sebagai tempat beribadah dan belajar, baru kemudian mendirikan perkampungan. Di samping sebagai tempat beribadah, *meunasah* juga berfungsi sebagai suatu tempat belajar peringkat dasar dalam tiap-tiap kampung ketika itu.⁷

Keberadaan institusi dayah dan *meunasah* bagi pengembangan pendidikan di Aceh sangatlah signifikan, dan kebermaknaan kehadirannya sangat diperlukan dalam membentuk umat yang berpengetahuan, jujur, cerdas, rajin dan tekun beribadah yang kesemuanya itu sarat dengan nilai. Sejarah membuktikan bahawa Sultan pertama di Kerajaan Peureulak (840 M.), meminta beberapa ulama dari Jazirah Arab, Gujarat dan Persia untuk mengajar di institusi ini. Untuk itu sultan membangun satu dayah yang diberi nama "Dayah Cot Kala" yang dipimpin oleh Teungku Muhammad Amin, kemudian dikenal dengan sebutan Teungku Chik Cot Kala. Institusi ini merupakan institusi pendidikan tinggi Islam pertama di kepulauan Nusantara.⁸

Pada masa kesultanan Aceh, dayah menawarkan tiga peringkat pengajaran, yakni *rangkang* (*junior*), *balee* (*senior*), dan dayah *manyang* (universiti). Di beberapa dayah hanya terdapat *rangkang* dan *balee*, sedangkan di tempat lain hanya ditemui peringkat dayah *manyang* saja. Meskipun demikian di tempat tertentu juga terdapat tiga peringkat sekaligus, mulai dari *rangkang* sampai universiti. Sebelum pelajar belajar di dayah, mereka dianggap sudah mampu membaca al-Qur'an yang mereka pelajari di rumah atau di *meunasah* dari seorang *teungku*. Kepergian untuk menuntut ilmu agama di dayah sering disebut dengan

⁷Ismail Sunni, *Bunga Rampai Tentang Aceh*, (Jakarta: Batara Karya Aksara, 1980), 211.

⁸Amiruddin, *Ulama Dayah*, 36 – 37.

*meudagang*⁹. Metod mengajar di dayah pada dasarnya dengan lisan, *meudrah*¹⁰ dan metod hafazan. Pada kelas yang lebih tinggi, metod diskusi dan debat (*meudeubat*) sangat dialukan dalam segala aktiviti belajar mengajar, dan ruang kelas hampir merupakan sebuah ruang seminar. Para *teungku* biasanya berperanan sebagai *moderator*, yang kadang-kadang juga berperan sebagai pengambil keputusan.¹¹

Ditinjau dari segi kandungan pelajarannya, yang diajarkan adalah pelajaran-pelajaran agama semata yang bertitik tolak kepada kitab-kitab klasik atau disering disebut kitab kuning. Pada umumnya, pelajaran dimulai dengan kitab-kitab yang sederhana iaitu kitab bertulisan jawi kemudian dilanjutkan dengan kitab-kitab yang lebih mendalam, peringkat suatu dayah dapat diketahui dari jenis kitab-kitab yang diajarkan.¹²

Ada lapan macam bidang pengetahuan dalam kitab-kitab Islam klasik yang diajarkan di dayah, yakni nahwu dan saraf (morfologi), fiqh, Usul fiqh, Hadith, Tafsir, Tauhid, Tasawuf dan etika, dan cabang-cabang lain seperti tarikh dan *balaghah*.¹³ Tinggi rendahnya ilmu seseorang diukur dari kitab yang dipelajarinya. Ditinjau dari segi metodnya adalah hafazan, *meudrah* dan *meudeubat* di mana dalam tradisi pesantren di Jawa sering disebut *sorogan* dan *wetonan*. Ditinjau dari segi sistem pembelajaran adalah non-klasikal, dimana pelajar tidak dibahagi berdasarkan peringkat kelas, tetapi berdasarkan kitab yang

⁹ *Meudagang* adalah duduk di asrama tempat belajar seperti di dayah.

¹⁰ *Meudrah* adalah suatu metod di mana pelajar datang satu per satu kepada seorang teungku rangkang dengan kitabnya atau copy teks (kurah) yang sedang mereka pelajari, kemudian teungku membaca teks, memberikan komentar dan catatan dalam bacaannya tersebut, lalu meminta pelajar untuk membaca kembali teks yang telah ia bacakan.

¹¹ Rusdi Sufi, “Pandangan dan Sikap Ulama di Daerah Istimewa Aceh”, (Jakarta: LIPI, 1987), 29.

¹² Hasbullah, “Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia: Lintasan Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan”, (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1999), 144.

¹³ Dhofier, *Tradisi Pesantren*, 51.

dipelajarinya. Sedangkan ditinjau dari segi pengurusan pendidikan, maka di institusi pendidikan ini tidak mengenal nombor matrik, buku laporan, sijil, dan lain sebagainya.¹⁴

Realiti sejarah mengungkapkan bahawa institusi dayah mempunyai empat kegunaan yang sangat signifikan bagi masyarakat Aceh, iaitu sebagai pusat belajar agama (*the central of religious learning*), sebagai benteng terhadap kekuatan melawan penjajah, sebagai agen pembangunan, dan sebagai sekolah bagi masyarakat.¹⁵

4.3 Profil Dayah di Aceh

Kajian ini melibatkan tiga Dayah terpilih di Aceh. Pemilihan tiga Dayah tersebut berdasarkan klasifikasi dari Badan Pembinaaan Pendidikan Dayah (BPPD) Aceh. Klasifikasi Dayah terdiri dari Dayah A+, A, B, C dan Non-Type. Penilaian ini berdasarkan banyak faktor termasuk jumlah pelajar, guru, kondisi dan jumlah bangunan yang ada dalam Dayah tersebut serta kurikulum yang ditetrapkan di masing-masing Dayah. Klasifikasi ini bertujuan untuk memudahkan agihan bantuan dari Kerajaan Aceh kepada Dayah-Dayah di Aceh melalui BPPD (Badan Pembangunan dan Pembinaan Dayah).

Dayah yang pertama iaitu Dayah Darul Ihsan Tgk.Haji Krueng Kalee yang telah ditubuhkan pada tahun 1910 oleh Tgk. H. Hasan Krueng Kalee di Siem Aceh Besar. Dayah ini ada dalam kumpulan Dayah A+. Dayah yang kedua iaitu Dayah Mahyal Ulum Al-Aziziyah Sibreng Aceh Besar yang ditubuhkan oleh Teungku Faisal Ali. Dayah ini tergolong dalam kumpulan Dayah A. Dayah yang ketiga iaitu Dayah Usawatun Hasanah kampung

¹⁴Daulay, *Dinamika Pendidikan*, 128.

¹⁵Amiruddin, *Ulama Dayah*, 42.

Blang Nibong Kecamatan Samudera Lhokseumawe Aceh Utara. Dayah ini tergolong dalam kumpulan Dayah B.¹⁶

4.3.1 Dayah Terpadu Darul Ihsan Tgk Haji Hasan Krueng Kalee

Ini Dayah pertama yang menjadi tempat dan objek kajian pengkaji berkenaan pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh. Ia termasuk diantara Dayah yang terawal yang ada di Aceh dan masih berlangsung aktiviti-aktiviti pendidikan sampai pada masa ini. Dayah ini dikenal juga sebagai Dayah Abu Krueng Kalee.

4.3.1.1 Sejarah Penubuhan Dayah

Dayah Terpadu Darul Ihsan merupakan salah satu diantara Dayah terawal yang telah ada di Aceh sejak masa kolonial Belanda. Ia merupakan kesinambungan dari pengembangan Dayah salafi Tgk. H. Hasan Krueng Kalee yang sudah pernah berkembang pada tahun 1917 sampai dengan 1946. Dayah ini dulunya diasaskan oleh Tgk. H. Hasan Krueng Kalee, anak Tgk. H. Hanafiah, yang digelar Tgk. H. Muda Krueng Kalee. Tgk. H. Hasan Krueng Kalee merupakan ulama dan orang yang sangat berjasa dalam pendidikan di Aceh pada awal abad ini.¹⁷

Teungku Hasan Krueng Kalee mendapatkan pendidikan pertamanya daripada ibunya yang bernama Nyakti Hafsa Binti Teugku H. M. Hasan Krueng Kalee. Manakala ayahnya syahid masa beliau masih kecil. Ketika usia bertambah besar, Teungku Hasan kecil mulai belajar ilmu-ilmu asas dalam agama Islam kepada Teungku Chik di Keubok Siem Aceh Besar yang merupakan ahli kerabatnya seperti fiqh, nahwu, sharaf, tarikh Islam, hadith,

¹⁶Buku Akreditasi Dayah 2012, (Banda Aceh:BPPD, 2012), 20-25.

¹⁷Mutiara Fahmi Razali, et al, *Teungku Haji Muhammad Hasan Krueng Kalee 1886-1973*, (Banda Aceh: Yayasan Darul Ihsan, 2010), 4.

tafsir dan ilmu-ilmu yang lainnya. Kemudian ia melanjutkan pelajarannya kepada Teungku Chik di lamnyong.¹⁸ Kemudian Teungku Hasan mendapatkan pendidikan di *Madrasah al-Irshadiyyah al-Diniyyah* yang diasaskan oleh Teungku Muhammad Arshad Ie Luebeu atau yang lebih masyhur dengan sebutan Teungku di Bale' di kampung Aceh Yan-Kedah Malaysia selama tiga tahun. Ketika usia beliau 23 tahun, dengan restu daripada gurunya pada tahun 1909 Teungku Hasan Krueng Kalee bersama adiknya Teungku Syeikh Abdul Wahab menunaikan ibadah haji serta bermaksud melanjutkan pendidikan ke Masjidil Haram, Mekkah al-Mukarramah selama 7 tahun.¹⁹

Ketika Teungku Hasan kembali dari Mekkah, beliau mengajar di Dayah Meunasah Baroe yang dipimpin oleh pakciknya Teungku Muhammad Sai'id. Kemudian beliau menubuhkan Dayahnya sendiri di Meunasah Blang, Siem. Secara pasti tidak diketahui tahun bila Dayah tersebut ditubuhkan, tapi berdasarkan sebuah tulisan tangan yang diyakini milik Abu Krueng Kalee yang tertulis di *kulah ie*²⁰ Dayah, tertulis bahawa tempat wudhuk itu dibina pada tahun 1919, namun penubuhan Dayah dijangka lebih awal dari itu sekitar tahun 1917 dengan nama Dayah Krueng Kalee atau Dayah Meunasah Blang.²¹

Sepanjang sejarahnya, Dayah Meunasah Blang yang dipimpin oleh Teungku Hasan Krueng Kalee dapat dibahagi kepada dua bahagian. *Pertama*, dari masa ditubuhkan tahun 1917 sampai beliau dan keluarga berpindah ke Yan, Malaysia sekitar tahun 1925. *Kedua*, ketika beliau kembali ke Aceh dari Yan pada tahun 1925 sampai 1942. Pelajar pada bahagian pertama lebih sedikit dibandingkan jumlah pelajar pada bahagian kedua yang merupakan masa kejayaan Dayah Abu Krueng Kalee. Menurut Syech Marhaban, Dalam kurun masa 20

¹⁸Sambutan Teungku H. Syech Marhaban Hasan dalam acara *haul* ke-25 Abu Krueng Kalee dalam peresmian Dayah Darul Ihsan, 1 Mei 1999.

¹⁹Mutiara Fahmi Razali, et al, *Teungku Haji Muhammad Hasan Krueng Kalee 1886-1973*, 14-25.

²⁰Tempat mengambil wudhuk

²¹Mutiara Fahmi Razali, et al, *Teungku Haji Muhammad Hasan Krueng Kalee 1886-1973*, 53-55.

tahun (1919-1942) lebih dari 1,000 pelajar pernah belajar di Dayah Abu Krueng Kalee.²²

Dalam masa yang singkat, Dayah Abu Krueng Kalee telah menjadi Pusat pendidikan Islam di Aceh sejajar dengan Dayah-Dayah yang lain seperti Dayah Tanaohabee, Dayah Lambiran, Dayah Indrapuri, Dayah Pante Geulima, Dayah Tiro dan Dayah Samalanga.²³

Pada kurun waktu 1917 sampai 1946, Dayah Abu Krueng Kalee memiliki pelajar yang berasal dari seluruh pelosok Tanah Air dan negeri tetangga Malaysia. Selama itu pula, perkembangan pendidikan di tangannya mengalami kemajuan sangat pesat dan mencapai puncaknya. Ini terbukti dari banyak tokoh ulama nasional dan tempatan yang berkualiti tinggi yang telah dilahirkannya. Antaranya Tgk. H. Mahmud Blang Bladeh, Tgk. H. Abdul Rasyid Samlako Alue Ie Puteh, Tgk. H. Sulaiman Lhok Sukon, Tgk. H. Yusuf Kruet Lintang, Prof. Dr. Hasbi As Shiddiqy, Prof. Ali Hasjimy (bekas Gabenor Aceh). Tgk. H. Nurdin (bekas Bupati Aceh Timur), Tgk. H. Adnan Bakongan, Tgk. H. Habib Sulaiman (bekas Imam besar Masjid Raya Baiturrahman), Tgk. H. Idris Lamreng (ayah kepada *Allahyarham*. Prof. DR. Safwan Idris, bekas Rektor IAIN Ar Raniry Banda Aceh), dan lain-lainnya. Sebahagian daripada mereka kemudian membuka institusi pendidikan Dayah yang baru di daerah mereka masing-masing. Pada masa sekarang ini, sekitar dua pertiga institusi pendidikan Dayah yang ada di Aceh merupakan institusi yang didirikan oleh ulama yang pernah mendapatkan pendidikan di Dayah Abu Hasan Krueng Kalee. Selepas meninggalnya pendiri Dayah iaitu Abu Hasan Krueng Kalee pada malam jum'at 15 Januari 1973, maka secara perlahan Dayah berkurang jumlah pelajar dan kualitinya sehingga tiba masanya Dayah ini berakhir tanpa pelajar kerana tiada lagi yang melanjutkannya.²⁴

²² Sambutan Teungku H. syech Marhaban Hasan.

²³Shabri A, dkk, Biografi Ulama-ulama Aceh abad XX, (Banda Aceh: Dinas Pendidikan Aceh, 2007), 63.

²⁴Mutiara Fahmi Razali, et al, *Teungku Haji Muhammad Hasan Krueng Kalee 1886-1973*, 69-71.

Setelah 26 tahun kemudian, tepatnya tanggal 15 Muharram 1420 H/ 1 Mei 1999, Dayah Abu Krueng Kalee dibuka kembali atas anjuran putra beliau Tgk. H. Ghazali Hasan Krueng Kalee dan cucunya H. Waisul Qarani Aly As-Su'udy. Dalam sistem pembelajarannya, Dayah baru yang bernama Dayah Terpadu Darul Ihsan ini menggabungkan antara metod salafi dengan moden, agar para pelajar selain mampu menguasai ilmu-ilmu agama dan berakhlak mulia sekaligus mampu menjawab halangan zaman yang terus berubah.

4.3.1.2 Pelajar dan Tenaga Pengajar Dayah

Setelah berjalan selama tiga belas tahun lebih, pada tahun 2013 jumlah pelajar mencapai 519 orang yang diasuh oleh 65 orang guru, 25 orang antaranya merupakan guru tetap yayasan dan 8 orang kakitangan. Para pelajar tersebut berasal dari berbagai daerah kabupaten/kota diseluruh provinsi Aceh. Sebahagian pelajar juga berasal dari luar Aceh seperti Medan Sumatra Utara, Padang Sumatra Barat, DKI Jakarta, dan Batam. Bahkan mulai tahun Ajaran 2011/2012 Dayah juga telah menerima 4 pelajar dari Patani, Thailand Selatan.²⁵

Dari jumlah 519 orang pelajar tersebut, majoritinya berasal dari keluarga kurang mampu. Namun demikian, Dayah Darul Ihsan mempunyai komitmen untuk tetap melanjutkan pendidikan meskipun dalam keadaan yang sulit seperti yang ada padani. Pihak Dayah memerlukan sokongan dari berbagai pihak agar pelajar-pelajar tetap dapat melanjutkan pendidikan walaupun kesulitan dalam kewangan. Pihak Dayah berpegang teguh kepada sebuah ayat Allah:

²⁵Database dari Dayah Darul Ihsan Tgk. H. Hasan Kreung Kalee

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبْلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ (العنكبوت: ٦٩)

al-Ankabut 29:69

“Dan orang-orang yg berjihad untuk (mencari keridhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yg berbuat baik.”

Dalam keadaan bagaimanapun, pihak dayah akan terus melakukan penambahbaikan dan akan memberikan pendidikan terbaik kepada pelajar-pelajarnya, kerana ini bahagian dari jihad. Allah akan bersama selalu dengan orang-orang yang berjihad dan akan menunjukkan jalan-jalannya.

4.3.1.3 Sistem Pengajian dan Kurikulum Dayah Abu Krueng Kalee

Pada awalnya sejak ditubuhkan, metod pendidikan yang digunakan di Dayah Abu Krueng Kalee iaitu *halaqah* dan *talaqqi*²⁶. Metod belajar seperti ini lebih ditumpukan kepada mendengar, memahami, dan menghafaz. Metod tanya jawab pun dilakukan sesuai keperluan. Pengajaran dilakukan di *bale*²⁷, besar mahupun di *bale-bale* kecil. Abu krueng Kalee hanyalah mengajar pelajar yang kelas tinggi dan para guru, sementara pelajar lainnya belajar dengan *Teungku-teungku rangkang*.²⁸

Sistem pendidikan Dayah Abu Krueng Kalee telah beradaptasi menggunakan metode Pendidikan Madrasah dan Dayah. Pendidikan madrasah yang berpandukan pada kurikulum Departemen Agama dijalankan bersamaan dengan metod Pendidikan Dayah Salafi dan terpadu pada petang hari, malam dan selepas subuh. Seluruh pelajar diasramakan dan diwajibkan berbicara bahasa Arab dan Inggeris sehari-hari.

²⁶Mutiara Fahmi Razali, et al, *Teungku Haji Muhammad Hasan Krueng Kalee 1886-1973*,57

²⁷*Bale*' sebutan untuk tempat belajar di dayah yang berbentuk rumah.

²⁸Sebutan kepada guru dayang yang mengajar kelas bawah.

Kitab-kitab yang diajarkan di Dayah Abu Krueng Kalee bervariasi dari satu peringkatan kepada peringkat berikutnya. Pada amnya, kitab yang diajarkan iaitu kitab-kitab yang bermazhab Syafi'i yang dikenal dengan *al-Silsilah al-dzhabiyah* mulai kitab *Matan Taqrīb* sampai kitab *al-Umm* karya Imam Syafi'i. Sementara dalam aqidah dan tauhid yang digunakan ialah kitab-kitab bermazhab *ahlu al-sunnah wal jama'ah* sama ada dari ajaran *Asy'ariyyah* mahupun *Maturidiyyah*.²⁹

Pada masa sekarang ini, kurikulum telah dipadukan antara kurikulum Dayah sepetimana kurikulum Dayah pada umumnya di Aceh dari dulu sampai sekarang, dan kurikulum madrasah dari departemen Agama. Kemudian daripada itu, kurikulum para pelajar juga dibekali dengan berbagai kegiatan *extra* kurikulum, seperti kursus komputer, jahit-menjahit, nasyid Islami, tarian adat Aceh, *dalail khairat*, seni tilawah al-Qur'an, aktiviti kesukuanan, drama tiga bahasa; Arab, Inggeris, Indonesia, berceramah dalam tiga bahasa; Arab, Inggeris dan Indonesia, bela diri, khat kaligrafi, praktik ibadah dan berbagai pelatihan untuk meningkatkan kualiti diri setiap pelajar.

4.3.1.4 Pembiayaan Pendidikan Dayah

Kebanyakan institusi Dayah di Aceh ditubuhkan di atas tanah wakaf. Begitupun yang berlaku kepada Dayah Abu Krueng Kalee. Tanah yang menjadi lokasi pembinaan Dayah tersebut terbahagi kepada dua kategori. Pertama, tanah yang dibeli langsung oleh Teungku H. Hasan Krueng Kalee dari warga kampung Meunasah Blang. Kedua, Tanah wakaf warga kampung untuk pembinaan Dayah. Orang pertama yang mewakafkan tanah untuk pembinaan Dayah *Meunasah* Blang iaitu seorang wanita warga kampung Siem yang bernama Teungku Hajjah Seuno atau sebutan masyhurnya Teungku nek. Beliau melakukan

²⁹Mutiara Fahmi Razali, et al, *Teungku Haji Muhammad Hasan Krueng Kalee 1886-1973*, 59.

ibadah haji dengan suaminya ketika Teungku Hasan Krueng Kalee masih belajar di Mekkah, suaminya Teungku H. Yunus meninggal dunia ketika kembali ke Aceh dari Mekkah. Hubungan baik antara Teungku Hajjah Seno dengan keluarga Abu Krueng kalee terbina dengan baik. Ketika Abu menyatakan keinginannya untuk menubuhkan sebuah institusi Dayah di Siem, Hajjah Seuno segera menyambut niat baik itu dengan mewakafkan tanahnya kepada Abu Krueng Kalee. Ia hanya meminta jika meninggal agar dikebumikan di tanah tersebut dalam persekitaran Dayah. Wasiat itu terlaksana sebagaimana yang dikehendakinya. Sampai hari ini, kuburnya masih terjaga dengan baik disebelah *bale*³⁰ Teungku Haji Krueng Kalee.³⁰

Kini di Dayah Darul Ihsan Abu Krueng Kalee tidak hanya terletak diatas tanah yang pernah dibeli Oleh Teungku Hasan dan tanah wakaf Hajjah Seuno, tapi lokasi pembinaan Dayah sudah meluas dengan tanah wakaf yang baru, diantaranya tanah yang diwakafkan oleh Teungku Waisul Qarany as-Su'udi yang termasuk cucu kepada Abu Krueng Kalee juga termasuk dalam diantara pimpinan Dayah tersebut dan tanah yang dibeli oleh Yayasan Darul Ihsan, kini lokasi Dayah semakin luas dan moden.

Sumber pembiayaan Dayah ketika ini iaitu bantuan daripada pemerintah Aceh, NGO, yuran pelajar yang belajar, bantuan masyarakat dalam bentuk sedakah. Ketika pengkaji temu bual dengan Teungku Muhammad Faisal Sanusi³¹ berkaitan dengan pembiayaan institusi Dayah Abu Krueng Kalee melalui wakaf, beliau berucap:

“Dayah ini pada awalnya dibina di atas tanah wakaf, kemudian berlaku perluasan dengan tanah wakaf baru, tanah yang dibeli oleh Yayasan, dan ada juga tanah yang dibeli dengan proses istibdal dari tanah wakaf”

³⁰Mutiara Fahmi Razali, et al, *Teungku Haji Muhammad Hasan Krueng Kalee 1886-1973*, 55

³¹Pimpinan Dayah Terpadu Darul Ihsan Tgk. H. Hasan Krueng Kalee Siem

yang diwariskan oleh Abu Krueng Kalee kepada saya sebagai cucunya.”³²

Kepada pengkaji, Teungku Muhammad Faisal Sanusi menjelaskan bahawa Abu Krueng Kalee tidak hanya mendapatkan tanah wakaf sebagai tempat pembinaan Dayah di Siem, akan tetapi wujud juga tanah yang diwakafkan oleh masyarakat kepada Abu Krueng Kalee ketika itu kerana bersimpati dengan Abu Krueng Kalee, dan kebanyakan tanah itu terletak di luar kompleks Dayah saat ini. Senarai tanah wakaf yang diterima oleh Abu Krueng Kalee tertera dalam wasiat beliau ketika sebelum meninggal dan semua tanah wakaf tersebut selain lokasi Dayah difaraidkan secara turun temurun kepada keturunan beliau.³³

Diantara anak atau cucu kepada Abu Krueng yang termasuk menerima amanah untuk menjadi nazir iaitu Teungku Muhammmad Faisal, kerana letak tanah wakaf tersebut berjauhan dengan Dayah dan keadaannya tidak dapat dikembangkan kerana letak yang tidak strategik. Oleh itu, beliau tanah tersebut dijual dengan tujuan *istibdal* dan dibelikan tanah yang berhampiran dengan Dayah dengan luas tiga kali ganda dengan tanah wakaf yang asal. Ini dilakukan oleh beliau untuk tujuan perluasan Dayah diantaranya untuk lokasi pembangunan masjid yang kini dalam pembinaan dengan wakaf dari salah satu institusi kebajikan dari Turki. Tidak semua tanah wakaf yang kini dikelola oleh anak-anak dan cucu Abu Krueng Kalee dialihkan untuk pembangunan Dayah. Namun dikelola masing-masing oleh mereka, Teungku Faisal melanjutkan:

“Tanah-tanah wakaf tersebut kini dikelola oleh nazir yang merupakan anak dan cucu dari Abu Krueng Kalee, saya juga tidak mengetahui keadaan terkini dari setiap tanah-tanah wakaf tersebut, apakah produktif atau tidak kerana itu merupakan wewenang dari setiap nazir. Tanah-tanah tersebut dulunya diwakafkan kepada Abu ada yang sifatnya wakaf

³²Temu bual dengan Pimpinan Dayah Darul Ihsan, Teungku Muhammad Faisal Sanusi padadi Pejabat Dayah di Siem, Aceh Besar Jam 15.15-17.00.

³³Temu bual dengan Pimpinan Dayah Darul Ihsan.

khas untuk pembinaan Dayah iaitu dimana lokasi Dayah kini berada, ada juga yang sifatnya zurri untuk keperluan Abu yang letaknya tersebar di beberapa tempat yang berbeza. Tanah wakaf jenis kedua inilah yang diwariskan pentadbirannya kepada anak dan cucu beliau.”³⁴

Sampai ketika ini, tiada tanah wakaf yang dikembangkan oleh Dayah secara produktif, kerana tanah-tanah wakaf yang ada digunakan sebagai tempat untuk pembinaan dan perluasan Dayah. Selain tanah, aset wakaf yang dimiliki oleh Dayah ialah aset wakaf berupa kemudahan bangunan-bangunan Dayah, seperti asrama, kelas tempat belajar, masjid, pejabat dan lain-lain. Aset wakaf berbentuk bangunan itu bersumber dari berbagai pihak termasuk masyarakat yang memberikan wakaf tunai untuk pembelian bahan-bahan yang diperlukan untuk pembinaan Dayah, NGO maupun pihak pemerintah.

Kemudian daripada itu, Dayah Darul Ihsan Teungku H. Hasan Krueng Kalee juga tidak memiliki badan wakaf yang bertugas untuk mentadbir aset-aset wakaf dan juga untuk melakukan usaha-usaha untuk mendapatkan harta wakaf yang lebih banyak untuk kemaslahatan institusi pendidikan tersebut. *Fundraising* bantuan dari berbagai pihak untuk keperluan Dayah pada masa sekarang ini dilakukan oleh pihak yayasan yang ada dalam struktur organisasi Dayah.

4.3.2 Dayah Mahyal Ulum al Aziziyah

Dayah yang kedua yang menjadi tempat kajian pengkaji untuk mengkaji pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh iaitu Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah yang terletak 17KM daripada Banda Aceh, tepatnya di desa Dilib Bukti Sibreh Kecamatan Suka Makmur Kabupaten Aceh Besar, Provinsi Aceh.

³⁴Temu bual dengan Pimpinan Dayah Darul Ihsan.

4.3.2.1 Sejarah Penubuhan Dayah

Institusi Pendidikan Islam Dayah Mahyal Ulum Al-Aziziyah Sibreh dibina pada tahun 1999 dengan bermodalkan sebidang tanah seluas 6000 Meter yang merupakan wakaf dari salah seorang ahli keluarga Tgk. H. Faisal Ali bernama H.M Ali Mahmud atau yang lebih dikenal dengan H Ali Sinar Desa. Idea pembinaan ini merupakan pemikiran daripada Abu H. Faisal Ali yang ingin menggagas satu Institusi Pendidikan Islam yang lengkap serta membangun peradaban secara universal dalam menghadapi berbagai permasalahan dalam masyarakat. Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah merupakan salah satu cawangan daripada Dayah MUDI Masjid Raya Samalanga Bireueun.³⁵

Di bawah kepimpinan Teungku H. Faisal Ali, selama ini institusi telah berhasil menjalankan proses pendidikannya dengan memfokuskan pada kajian kitab kuning sepetimana yang telah menjadi kurikulum di semua dayah salafiyah yang ada di Aceh dan tahlifuz qur'an. Maka dalam upaya penambahbaikan serta pengoptimuman pendidikan yang berdasarkan Islam, Dayah Mahyal Ulum menyediakan kemudahan pendidikan formal tingkat Menengah Atas melalui SMK (Sekolah Menengah Kejuruan) untuk peringkat sekolah 'Aliyah yang dibuka secara rasmi pada tahun 2013 dengan 28 orang pelajar. Disertai berbagai kegiatan kokurikulum seperti pengajian kitab kuning, penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris dalam percakapan sehari-hari di Dayah kerana ini merupakan kelemahan yang dirasakan oleh kebanyakan pelajar di Dayah-Dayah salafiyah di mana mereka dapat membaca kitab *turāth* yang berbahasa arab dengan fasih

³⁵Brochur Dayah Mahyal Ulum.

dan juga kefahaman yang tinggi, akan tetapi mereka tidak mampu menggunakan bahasa dalam percakapan sehari-hari.³⁶

Antara tujuan ditubuhkan Dayah ini ialah untuk melahirkan ulama dan intelektual yang dilandasi oleh jiwa yang menjadi *ruhul ma`had* iaitu keikhlasan, kesederhanaan, mandiri, ukhuwwah Islamiyah dan keteladanan.

Kemudian dari itu, misi dari pendidikan Dayah Mahyal ulum, diantaranya melaksanakan pendidikan dan pengajarandengan menitikberatkan kepada pengembangan metod pendidikan secara integratif, memperkuat bimbingan akhlak bagimewujudkan perilaku peserta didik yang mencerminkan akhlaqul karimah, meningkatkan prestasi peserta didik melalui pengembangan kegiatan kurikulum Dayah dan kokurikulum, menciptakan lingkungan institusi pendidikan yang berwawasan keilmuan, keagamaan dan terbuka terhadap lajunya ilmu pengetahuan sains, dan teknologi.

4.3.2.2 Pelajar dan Tenaga Pengajar Dayah

Jumlah pelajar yang belajar di Dayah Mahyal Ulum Al-Aziziyah pada masa sekarang ini adalah seramai 149 orang yang terdiri dari 128 pelajar lelaki dan 21 pelajar perempuan. Setiap pelajar yang sudah terdaftar di Mahyal Ulum Al-Aziziyah, terdiri dari 3 bahagian; Menetap di Dayah dan tidak sekolah, Menetap dan Sekolah di luar Dayah, dan Tidak menetap di Dayah.

Pada tahun, pelajar yang tinggal di Dayah berjumlah 128 orang yang berasal dari berbagai daerah di Aceh dan luar Aceh. Mereka dididik dan ajar oleh tenaga pendidik profesional

³⁶Temu bual dengan Tgk Muslim Hamdani, Staf dari Dayah Mahyal Ulum al_Aziziyah. Di Dayah 14hb Oktober 2013 jam 14.00-15.00.

iaitu guru senior Dayah Mahyal Ulum Al-Aziziyah yang juga telah menyelesaikan pendidikan *degree* dan *master*, dimana guru pada ketika ini yang ada 26 orang. Dengan segala potensi yang dimiliki, Dayah Mahyal Ulum Al-Aziziyah hadir untuk mewujudkan harapan dan menjawab keperluan pendidikan Islam yang bersepada.

4.3.2.3 Sistem Pendidikan dan Kurikulum

Dayah Mahyal Ulum Al-Aziziyah menerapkan pola pendidikan integratif, dimana pelajar diwajibkan mengikuti dua dimensi pendidikan secara bersamaan, iaitu pendidikan Dayah dan sekolah rasmi. Bagi pelajar tinggal di asrama Dayah, mengikuti semua aktiviti dan segala peraturan yang ada di Dayah seperti salat dan wirid berjamaah, salat dhuha bersama, puasa pada hari-hari tertentu, latihan bahasa asing dan lain-lain.

Sementara untuk kurikulum yang diterapkan di Dayah ada tiga bahagian. Pertama, Pendidikan Dayah. Kurikulum pendidikan Dayah yang digunakan berdasarkan kurikulum Dayah-Dayah salafiah lainnya yang telah wujud di Aceh, baik peringkat *thanawiyah*, *'aliyah* maupun *takhassus*. Target yang ingin dicapai bahawa pelajar mampu menguasai dan mendalami kajian kitabkuning. Kedua, pendidikan formal iaitu SMK (Sekolah Menengah Kejuruan) bidang automotif yang menggunakan kurikulum standard pendidikan nasional Indonesia. Ketiga, pendidikan bahasa asing. Untuk memperkuat tradisi keilmuan dalam persekitaran Dayah Mahyal Ulum Al-Aziziyah, Pelajar akan diajarkan bahasa Arab dan bahasa Inggeris serta Tahfiz Quran di mana setelah tiga tahun belajar di Dayah Mahyal Ulum Al-Aziziyah diharapkan para pelajar telah mampu menguasai bahasa asing, dan menghafaz lima Juzuk al-Quran.

Adapun metod pengajaran dan pendidikan di Dayah ini terdiri dari empat tingkatan :

- a. *Tajhizī* (Matrikulasi) 1 tahun
- b. `Aliyah 3 tahun
- c. Dayah *Manyang/Ma'had 'Aly* 4 tahun
- d. *Takhassus* (Program Pendidikan Khas kepada Guru) 2 tahun

Untuk lebih jelas, berikut adalah jadual kurikulum Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah.

Jadual 4.1
Kurikulum pendidikan Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah

Tingkat/ Kelas	Bidang Studi	Nama Kitab Wajib
<i>Tajhizī/I</i>	1. Feqah 2. Nahwu 3. Sharaf 4. Tasauf 5. Tauhid 6. Tajwid 7. Al-Qur`an 8. Khat / Imlak 9. Bahasa Indonesia 10. Bahasa Inggris 11. Bahasa Arab	1. <i>Safinatu al-Naja & Matan Taqrīb</i> 2. <i>Al-'Awāmel & al-Ajarūmiyah</i> 3. <i>Dhammon & Matan al-Bīna</i> 4. <i>Taisirul Khallaq</i> 5. <i>'Aqidah Islamiyah</i> 6. <i>Hidayatul al-Mustafid</i>
<i>Aliyah/I</i>	1. Fiqih 2. Nahu 3. Sharaf 4. Hadith 5. Tasauf 6. Tauhid 7. Tarekh 8. Al-Qur`An 9. Khat / Imlak 10. Bahasa Indonesia 11. Bahasa Inggris 12. Bahasa Arab 13. Matematika 14. Komputer 15. Ketrampilan	1. <i>Al-Bajuri</i> 2. <i>Al-Mutammimah</i> 3. <i>Al-Kailani</i> 4. <i>Matan al-Arba`in</i> 5. <i>Ta`lim Muta`allim</i> 6. <i>Khamsatu Mutu`n</i> 7. <i>Khulasah Jilid I</i>
<i>Aliyah/II</i>	1. Fiqih 2. Nahu	1. <i>I`ānatu al-Talibin</i> (1&2) 2. <i>Syaikh al-Khalid</i>

	3. Tauhid 4. Sharaf 5. Hadith 6. Usul 7. Mantik 8. Tasauf 9. Tarekh 10. Al-Qur'an 11. Khat / Imlak 12. Bahasa Indonesia 13. Bahasa Inggris 14. Bahasa Arab 15. Matematika 16. Komputer 17. Ketrampilan	3. <i>Kifayatul al-'Awām</i> 4. <i>Al-Kailāni</i> 5. <i>Tanqīḥu Qauli al-Hadīth</i> 6. <i>Al-Waraqāt</i> 7. <i>Matan Sullam al-Munawraq</i> 8. <i>Daqāiqu al-Akhbar</i> 9. <i>Khulasah Jilid II</i>
Aliyah/III	1. Tauhid 2. Fiqih 3. Nahu 4. Sharaf 5. Tasauf 6. Mantek 7. Usul Fiqh 8. Bayan 9. Hadits 10. Tarekh 11. Al-Qur'an 12. Khat / Imlak 13. Bahasa Indonesia 14. Bahasa Inggris 15. Bahasa Arab 16. Matematika 17. Komputer 18. Ketrampilan	1. <i>Al-Hudūdī</i> 2. <i>I'ānatū al-Talibīn</i> (3&4) 3. <i>Matan al-Alfiyyah</i> 4. <i>Salsul Madkhal</i> 5. <i>Al-Muraqī al-'Ubūdiyyah</i> 6. <i>Idāhu al-Mubhām</i> 7. <i>Lataifū al-Isyārah</i> 8. <i>Sāwī al-Dardir</i> 9. <i>Al-Majālisu al-Thānīyyah</i> 10. <i>Khulasah Jilid III</i>
Tingkat / I Dayah Manyang	Tauhid, Fiqih, Nahu, Sharaf, Tasawuf, Mantiq, Usul Fiqh, Bayan, Ma`ani, Tafsir / Al-Qur'an, Hadits, Mustalah Hadits, Tarikh, Imlak, Ulumul Quran, Bahasa Indonesia, Bahasa Inggris, Bahasa Arab, Matematika, dan Komputer	<i>Al-Dusūqī, al-Mahallī, al-Tahrīr, Matan al-Alfiyyah, al-Matlub, Sirāju al-Talibīn, Sabbān al-Malāwy, Ghayātu al-Usul, al-Jauhar al-Maknūn, al-Sāwī, al-Majālisu al-Thānīyyah, Minhātu al-Mughīth, dan Nurul al-Yaqīn</i>
Tingkat / II	Tauhid, Fiqih, Nahu, Sharaf, Tasawuf, Mantiq, Usul Fiqh, Bayan, Ma`ani,	<i>Al-Dusūqī, al-Mahallī, al-Tahrīr, Matan al-Alfiyyah, al-Matlub, Sirāju al-Talibīn, Sabbān al-Malāwy, Ghayātu al-Usul, al-Jauhar al-</i>

Dayah Manyang	Tafsir Al-Qur`an, Hadits, Musthalah Hadits, Tarikh, Tafsir Ahkam, Fiqh Mukarran, Khat / Imlak, Bahasa Indonesia, Bahasa Inggris, Bahasa Arab, dan Komputer	<i>Maknun, al-Sawi, al-Majalisu al-Thanyyiah, Minhatu al-Mughith, dan Nurul al-Yaqin</i>
Tingkat /III Dayah Manyang	Tauhid, Fiqh, Nahu, Saraf, Tasawuf, Mantiq, Ushul Fiqh, Bayan, Ma`ani, Tafsir /Al-Qur`an, Hadits, Musthalah Hadits, Tarikh, Hadits Ahkam, Qawa'id Fiqhiyah, Khat/ Imlak, Bahasa Inggris, Bahasa Arab, Ilmu Tarekat/Suluk, dan Ilmu Falaq	<i>Al-Dusuqi, al-Mahalli, Fathul Wahhab, Matan al-Alfiyyah, al-Matlub, Siraju al-Talibin, Ihya 'Ulumuddin, Sabban al-Malawy, Ghayatul Usul, Jam'u al-Jawami', al-Jauhar al-Maknun, al-Sawi, al-Majalisu al-Thanyyiah, Minhatu al-Mughith, dan Nurul al-Yaqin</i>
Tingkat / IV Dayah Manyang	<i>Tarikh Tasyri', al-Qawa'id al-Fiqhiyah, Masail al-Fiqhiyyah al-Hadithah, Filsafat Umum, Pengantar Ilmu-ilmu Sosial, Metodelogi Penelitian, Perngurusan Pendidikan, Pengantar Ilmu Hukum, Ilmu Komunikasi, Hukum Perdata, Hukum Pidana, Hukum Adat, Hukum Acara Perdata/Pidana, al-Irsyadi</i> (Penelitian)	
<i>Takhassus</i>	<i>Tarikh Tasyri', al-Qawa'id al-Fiqhiyah, Masail al-Fiqhiyyah al-Hadithah,</i>	

Sumber: Data daripada Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah

4.3.2.4 Pembiayaan Pendidikan Dayah

Dayah Mahyal Ulum Al-Aziziyah merupakan Dayah yang diwakafkan oleh salah seorang daripada ahli keluarga pimpinan yang Dayah tersebut iaitu Teungku H. Faisal Ali sebelumnya telah disebutkan dalam sejarah penubuhan Dayah ini. Tanah wakaf tersebut kini mempunyai keluasan empat ekar. Sementara bangunan Dayah adalah berasal dari wakaf keluarga, masyarakat awam dan bantuan kerajaan. Semua pelajar Dayah mendapatkan semua kemudahan pendidikan secara percuma tanpa bayaran, bayaran hanya dikenakan kepada mereka yang mengambil kelas Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) automotif sahaja.

Dari hasil temu bual dengan pimpinan dayah,³⁷ pengkaji mengetahui bahawa Dayah ini pernah mendapatkan bantuan dari pemerintah pusat yang bersumber dari APBN (Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara) sebanyak Rp. 500,000,000 untuk pembangunan wakaf produktif diatas tanah wakaf yang dimiliki oleh Dayah berkenaan berbentuk “Kedai Kayu Furniture”. Dan hanya satu Dayah sahaja di Aceh yang mendapatkan bantuan ini pada tahun 2011. Lanjut beliau bahawa Dayah telah mengajukan proposal tersebut semenjak tahun 2008. Dari pendapatan dari kedai kayu tersebut dapat membantu untuk memenuhi dan menanggung kos operasi Dayah. Bukan tanpa halangan ketika Mahyal Ulum mencuba suatu hal yang dirasakan asing di kalangan Dayah di Aceh iaitu mandiri dengan memiliki sumber pendapatan sendiri. Beliau menjelaskan:

“...Alhamdulillah kami mendapatkan halangan dan amanah untuk dapat mengembangkan wakaf Dayah sehingga Dayah dapat mendiri secara kewangan, kami akan coba manfaatkan tanah wakaf untuk mengembangkan ke arah yang lebih produktif demi kemaslahatan Dayah,

³⁷Teungku H. Faisal Ali Pimpinan Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah Sibreh Aceh Besar. Temu bual berlangsung di dayah berkenaan pada 15hb Oktober jam 11.20.

pelajar serta guru. Halangan selalu ada dalam mengembangkan wakaf, sepertimana yang kami rasakan ketika menguruskan kedai kayu dengan bantuan dari Badan Wakaf Indonesia (BWI), di antara halangan tersebut ialah kurangnya tenaga profesional dalam bidang furniture di Aceh. Sehingga kami mengambil pekerja-pekerja daripada luar Aceh semisal daripada daerah Jepara Jawa Tengah.”³⁸

Selain daripada usaha kedai furniture tersebut, pihak Dayah juga menubuhkan koperasi Dayah, perkebunan, penternakan haiwan semisal lembu dan perikanan di mana hasil daripada itu semua dapat membantu kehidupan para guru dalam memenuhi keperluan asas dan juga pelajar-pelajar yang belajar di Dayah tersebut.

4.3.3 Dayah Uswatun Hasanah

Dayah Uswatun Hasanah merupakan diantara Dayah yang ada kampung Blang Nibong berhampiran dengan kubur Malik al Salih yang juga masyhur dengan *Meurah Silu* dari kerajaan Islam Samudera Pasai. Dayah ini telah ditubuhkan oleh Teungku Haji Cut Malem pada tahun 1993. Dayah ini termasuk Dayah di Aceh yang menjadi mangsa Tsunami pada Disember 2004, tapi tiada pelajar yang meninggal dalam musibah ini. Padahal Dayah ini terletak berhampiran dengan laut yang hanya dipisahkan oleh persawahan yang berjarak lebih kurang 1km daripada laut.

4.3.3.1 Sejarah Penubuhan Dayah

Institusi Pendidikan Islam Dayah Uswatun Hasanah kampung Blang Nibong untuk membina dan mendidik pelajar-pelajar untuk menjadi insan yang mempunyaiwawasan Im-Taq (Keimanan dan Ketaqwaan) dan wawasan Ip-Tek (Ilmu pengetahuan danTeknologi), yang seimbang dan serasi dengan landasan *akhlaqu al-karimah*, agar

³⁸Temu bual dengan Teungku Faisal Ali.

mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat. Untuk mewujudkan maksud dan tujuan di atas, maka Pondok Pendidikan Islam Dayah Uswatun Hasanah menerapkan pola keseimbangan, iaitu pertama, pengajaran, melalui kegiatan belajar mengajar yang membuka wawasan pengetahuan, sama ada pengetahuan agama maupun pengetahuan umum serta beberapa keterampilan (*skills*). Kedua, pendidikan, untuk membina dan merangsangkan perkembangan kepribadian pelajar menjadi pelajar yang memiliki *akhlaq al-karimah*.

4.3.3.2 Pelajar dan Tenaga Pengajar Dayah

pelajar yang belajar di Dayah Uswatun Hasanah majoritinya ialah pelajar dari kalangan yang tidak berkemampuan dari segi kewangan, sama ada pelajar itu yatim, mahupun berasal daripada keluarga yang miskin. Asal pelajar pun bervariasi dari daerah yang berbeza di provinsi Aceh. Pelajar yang belajar disini terbahagi kepada dua bahagian. *Pertama*, mereka yang tingal di asrama Dayah berjumlah 132 orang terdiri dari 70 pelajar lelaki dan 62 pelajar perempuan yang berusia antara 7 sampai 25 tahun. *Kedua*, pelajar yang tidak duduk diasrama Dayah, jumlah mereka ada 233 pelajar yang terdiri dari pelajar lelaki 112 orang, dan pelajar perempuan 121 orang. Majoriti pelajar yang tidak duduk asrama merupakan pelajar yang berasal dari kampung-kampung yang berhampiran dengan lokasi Dayah Uswatun Hasanah.

Sementara guru yang mengajar di Dayah ini berjumlah 30 orang yang terdiri dari 15 guru yang mengajar subjek-subjek Dayah, dan 15 orang guru yang mengajar di Sekolah Menengah Pertama yang dimiliki oleh Dayah.

4.3.3.3 Sistem Pendidikan dan Kurikulum

Dayah Uswatun Hasanah merupakan Dayah yang memiliki panduan sistem pendidikan campuran, iaitu ada pendikan Dayah dan juga Sekolah Menengah pertama. Pada awal penubuhannya Dayah ini hanya memiliki sistem pendidikan Dayah sahaja yang mengajarkan *muqaddam* dan *Iqra'* bagi pemula, mengajarkan al-Quran, mempelajari kitab-kitab yang bertulisan jawi seperti *Masā'il al-Mubtadi'*, *Bidayatu al-Mubtadi'*, kitab lapan, *al-Yawāqit* dan lain-lain serta ada juga pelajaran kitab-kitab yang berbahasa Arab bagi pemula sepetimana yang diajarkan di Dayah-Dayah lainnya di Aceh seperti *matan al-Taqrīb*, *al-'Awāmil*, *al-Ajrūmiyyah*, *Tashrif*, *matan al-Bīnā* dalam ilmu saraf, juga kitab *al-Baijuri*. Semua kitab-kitab di atas adalah untuk pelajar-pelajar pemula dari sekolah rendah hingga sekolah menengah.

Pada ketika awal penubuhannya, pelajar-pelajar yang duduk diasrama akan pergi sekolah di luar Dayah yang berada berhampiran dengan Dayah mahupun yang jauh dari sekolah. Para pelajar yang sekolah berjauhan dengan Dayah, pihak Dayah menyediakan basikal kepada mereka. Namun seiring dengan bertambah usia Dayah, Teungku Cut Malem sebagai pimpinan mencarikan alternatif lain bagi pelajarnya yang bersekolah ke luar daripada Dayah dengan cara mendirikan sekolah di dalam kawasan Dayah Uswatun Hasanah. Maka pada tahun 2009 ditubuhkan Sekolah Menengah Pertama (SMP) di Dayah. Sedangkan Sekolah Menengah Atas (SMA) baru akan ditubuhkan pada tahun 2015 kerana ada beragam halangan yang dimiliki oleh pihak Dayah termasuk kekurangan tenaga pengajar untuk sekolah peringkat aliyah itu.³⁹

³⁹Teungku Haji Cut Malem, Pimpinan *Dayah* Uswatun Hasanah Blang Nibong. Temu bual telah dijalankan melalui telefon pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 24 Oktober 2013.

Selain daripada kurikulum Dayah dan sekolah, Dayah Uswatun Hasanah juga mengajarkan keterampilan-keterampilan yang lain seperti kursus menjahit bagi pelajar perempuan, dan kursus komputer.

4.3.3.4 Pembiayaan Pendidikan Dayah

Dayah ini ditubuhkan di atas tanah wakaf yang diwakafkan oleh keluarga dari pimpinan Dayah. Di awal penubuhannya, Dayah ini hanya terdiri dari dua *bale'* sahaja, kemudian berkembang dan berlakunya perluasan disekeliling Dayah dengan bantuan dari berbagai pihak termasuk masyarakat, NGO dan pemerintah Aceh Utara. Bangunan asrama dan tempat belajar dibangun secara perlahan, dan kebanyakan bangunan pada masa itu terdiri daripada bangunan-bangunan kayu yang pada kemudian hari hancur disebabkan musibah tsunami.

Dayah ini dari awal penubuhannya bertujuan untuk menampung pelajar yang berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah termasuk pelajar-pelajar yang yatim. Sudah tentu ini merupakan halangan bagi pimpinan dalam menyediakan kemudahan pendidikan dan berbagai macam kos operasi, kerana tiada kutipan yuran belajar daripada pelajar, semua diberikan percuma. Dayah yang ketika itu tiada sumber pendapatan yang dapat menyokong dari segi kewangan, akan tetapi kegigihan pimpinan dalam melakukan *fundraising* dari berbagai pihak yang menyebabkan sampai masa ini Dayah tersebut masih dapat menampung dan membiayai pendidikan pelajar yang kurang mampu. Diantara sumber yang menjadi tumpuan pimpinan ketika itu ialah Pemerintah Daerah Aceh Utara, Syarikat PT. Pupuk Iskandar Muda dan juga Syarikat PT. Arun LNG yang berada di daerah Aceh Utara.

Dayah semenjak selepas tsunami sudah memiliki sumber pendapatan mandiri dari sektor perikanan berupa udang dan ikan serta perkebunan yang terletak di persawahan di persekitaran Dayah. Dari usaha kolam udang dan ikan mendatangkan pendapatan yang dapat membantu kos operasi Dayah, sementara dari perkebunan juga demikian, dan adakalanya hasil perkebunan tidak dijual tetapi untuk pemakanan pelajar-pelajar serta guru yang ada di Dayah.

Kehancuran bangunan-bangunan Dayah pada tahun 2004 yang disebabkan oleh tsunami juga merupakan halangan bagi semua warga Dayah uswatun Hasanah, baik guru, pelajar juga masyarakat untuk meneruskan kembali institusi pendidikan ini. Teungku Haji Cut Malem optimis dan selalu memperjuangkan Dayah tersebut dengan penuh keyakinan agar tetap dapat melanjutkan aktiviti-aktiviti pendidikan seperti sedia kala. Diantara kata-kata beliau yang menunjukkan keyakinan dan tawakkal:⁴⁰

“Institusi Dayah ini milik Allah, kita hanya dapat berusaha dengan penuh harap agar semua pelajar dapat meneruskan pendidikan di sini. Semuanya milik Allah semata, bila Dia akan ambil dan bila Dia akan memberi itu semua ada dalam ketentuanNya. In Shaa Allah pelajar-pelajar akan kembali belajar di Dayah Uswatun Hasanah”.

Usaha dan doa dari seluruh warga Dayah membuatkan hasil. Banyak NGO dalam negara mahupun luar negara yang datang menawarkan bantuan-bantuan berupa bangunan tempat belajar, asrama, masjid, dapur dan peralatan serta perlengkapan-perlengkapan yang diperlukan oleh pelajar dan guru untuk meneruskan pendidikan di Dayah tersebut termasuk juga biasiswa kepada pelajar-pelajar. Diantara NGO yang ikut memberikan bantuan kepada Dayah Uswatun Hasanah ialah Organisasi-organisasi PBB, NGO dari negara-negara Islam juga, dan ada sebuah NGO dari California “el-Cucuy Fondation” juga memberikan bantuan

⁴⁰ Teungku Haji Cut Malem, Pimpinan *Dayah* Uswatun Hasanah Blang Nibong. Temu bual telah dijalankan melalui telefon pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 24 Oktober 2013.

asrama, ruangan belajar, komputer, dan basikal yang berjumlah 130 buah pada tahun 2006. Perlahan Dayah Uswatun Hasanah menjadi Lebih baik keadaannya dibandingkan sebelum tsunami dari bangunan dan kualiti guru dan pelajar.

4.4 Analisis Pembiayaan Pendidikan melalui Wakaf di Aceh

Dayah memiliki peranan besar dalam pembangunan Aceh dari masa awal masuknya Islam ke Nusantara sampai pada masa sekarang. Dayah tetap bertahan sebagai sebuah institusi pendidikan Islam meskipun ada perkembangan yang mengikuti zaman yang semakin moden. Dayah sepertimana institusi-institusi pendidikan Islam di seluruh dunia yang kebanyakannya diasaskan di atas tanah wakaf, dan dibina serta dikembangkan juga dengan harta wakaf. Sepertimana yang telah pengkaji haraikan tentang peranan wakaf dalam pembiayaan pendidikan di Bab 2, telah nampak terang bahawa wakaf memiliki peranan yang besar dalam pembiayaan institusi-institusi pendidikan termasuk di dalamnya dayah yang ada di Aceh meskipun peranannya berbeza dari satu dayah dengan dayah lainnya.

Dalam bab ini pengkaji akan menganalisis sejauhmana peranan wakaf dalam pembiayaan pendidikan di Aceh daripada kajian kes di tiga dayah terpilih di Aceh. Dengan demikian, untuk melihat sejauhmana pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh maka pengkaji membahagikan analisis ini kepada pembiayaan pendidikan melalui wakaf dalam tiga aspek, iaitu:

1. Wakaf tanah sebagai tempat dayah ditubuhkan
2. Wakaf bangunan dayah
3. Wakaf produktif untuk membiayai kos operasi dayah

4.4.1 Wakaf Tanah Sebagai Tempat Dayah Ditubuhkan

Wakaf tanah merupakan amalan wakaf yang sangat dikenal dan banyak diamalkan oleh masyarakat Islam. Wakaf tanah dengan pelbagai tujuan, ada wakaf tanah yang ‘am untuk kebajikan umat Islam, ada juga wakaf tanah yang diberikan dengan syarat tertentu misalnya wakaf tanah untuk pembinaan masjid, surau, perkuburan dan pendidikan.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap tiga dayah di Aceh, maka pengkaji mendapati bahawa tanah yang merupakan tempat tiga dayah ditubuhkan berasal dari tanah wakaf. Tanah yang diwakafkan oleh masyarakat ataupun keluarga dari pimpinan sesebuah dayah. Hanya keluasan tanah tersebut yang berbeza. Tanah wakaf menjadi tempat untuk pertama kalinya sesebuah dayah ditubuhkan, di kemudian hari dari satu tanah wakaf bertambah dengan tanah wakaf yang baru ataupun ditambah dengan tanah yang dibeli oleh Yayasan yang ada di dayah berkenaan. Ini terjadi biasanya ketika sesebuah dayah ingin melakukan perluasan tempat seiring bertambah majunya institusi tersebut.

Dari tiga dayah yang menjadi tempat kajian ini, Dayah Abu Krueng Kalee merupakan dayah tanah wakaf yang luas. Pada masa Teungku H. Hasan Krueng Kalee dimana ada tanah wakaf khas untuk pembinaan dayah, ada juga wakaf kepada diri Abu Krueng Kalee untuk penghidupan beliau dan keluarga. Tanah wakaf khas untuk diri Abu Hasan Krueng Kalee diwariskan kepada keturunan-keturunan beliau.

Sebuah pelajaran dari Abu Krueng Kalee dimana beliau membuat senarai yang lengkap terhadap semua tanah wakaf yang diwakafkan kepada beliau, sehingga senarai itu yang digunakan untuk difaraidkan ketika Abu Krueng Kalee sudah tiada. Hikmah daripada apa

yang telah dilakukan oleh Abu Krueng Kalee adalah menyenaraikan tanah wakaf secara tertulis kerana pada masa itu tidak dikenal adanya sijil tanah wakaf sepetimana yang sekarang sedang dilaksanakan proses pensijilan tanah-tanah wakaf yang ada di Aceh oleh Kementerian Agama Provinsi Aceh.

Ketika perluasan dayah dilakukan, Teugku Faisal Sanusi menjual tanah wakaf dayah yang tidak strategik lalu beliau menggantikannya dengan tanah yang berhampiran dengan dayah yang keluasannya melebihi daripada tanah yang dijual. Ini bererti sebuah amalan kepada kaedah *istibdal* telah menepati dan bersesuaian dengan *maqasid al-Shari'ah*. Beliau melakukan *istibdal* mengikut pendapat Abu Hanifah dengan hujah bahawa yang dimaksudkan dengan kekal itu bukanlah kekal 'ayn harta tersebut, tetapi kekal pelaksanaan wakaf tersebut secara berterusan, dan tanah yang diganti sama nilainya atau melebihi daripada tanah asal.⁴¹

Sedangkan kebanyakan masyarakat di Aceh tidak mengamalkan kaedah *istibdal* kerana mengikut mazhab Shafi'ie yang tidak membolehkan *istibdal* bagi harta yang telah diwakafkan walaupun harta wakaf tersebut tidak memberikan manfaat yang lebih besar kepada kemaslahatan umat. Sehingga terdapat banyak tanah wakaf yang terbiar disebabkan masyarakat mengamalkan mazhab Shafi'ie. Sedangkan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di Malaysia memfatwakan keharusan *istibdal* mengikut pendapat mazhab Abu Hanifah

⁴¹ al-Zuhaili, Wahbah. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Ed. ke-8 (Damsyik: Dar al-Fikr, 2005), 7675.

dengan ketentuan-ketentuan, padahal Malaysia merupakan negara yang secara rasmi mengamalkan mazhab Shafi'ie.⁴²

Dari hasil temu bual pengkaji dengan Tgk. Muhammad Faisal mendapati bahawa 2/3 daripada tanah lokasi dayah Darul Ihsan Abu Krueng Kalee merupakan tanah wakaf yang dapat dibahagi kepada 3 bahagian. Pertama, wakaf tanah untuk dayah pada masa Tgk. H. Hasan Krueng Kalee dan masih nampak wujud hingga hari ini. Kedua, wakaf hasil *istibdal* yang dilakukan oleh Teungku Muhammad Faisal Sanusi kepada tanah wakaf *dayah* yang tidak strategik. Ketiga, wakaf dari Teungku Waisul Qarany yang menjabat sebagai penasihat pentadbiran, beliau juga mewakafkan tanahnya kepada pihak dayah.

Di Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah pula tanah yang memiliki keluasan lebih dari empat ekar tersebut merupakan tanah wakaf daripada keluarga besar pimpinan dayah saat ini iaitu Teungku Faisal Ali. Di atas tanah wakaf itulah semua aktiviti-aktiviti pendidikan dijalankan bahkan termasuk aktiviti-aktiviti ekonomi yang produktif. Tanah wakaf inilah yang menjadi asas tumbuhnya sebuah dayah. Sementara kajian di Dayah Uswatun Hasanah juga didapati bahawa tanah wakaf juga menjadi modal awal untuk penubuhannya, walaupun di dayah keluasan tanah wakaf lebih kecil dibandingkan tanah wakaf yang wujud di Tgk H. Krueng Kalee dan di Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah.

Bentuk perwakafan tanah wakaf yang diwakafkan kepada dayah adalah wakaf khas, iaitu wakaf yang bersifat khusus. Maksud Khas disini adalah pewakaf mewakafkan tanahnya untuk pembinaan dayah. Pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh dalam

⁴² JAKIM, *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Berhubung dengan Isu-Isu Muamalat*, 2009, 84.

menyediakan tanah wakaf sebagai modal awal penubuhan sebuah dayah telah benar-benar memiliki peranan yang sangat penting dalam pengembangan pendidikan di Aceh. Dari tiga dayah yang menjadi objek kajian pengkaji, semua mereka mengakui bahawa wakaf memiliki peranan yang sangat penting dalam pembiayaan institusi pendidikan dayah di Aceh.

Berdasarkan kajian lepas, amalan wakaf tanah untuk pendidikan telah banyak berperanan dalam menyediakan tapak pembinaan sebuah institusi pendidikan dalam sejarah Islam. Pembinaan pondok di Nusantara juga dilakukan di atas tanah wakaf, Pondok Modern Darussalam Gontor antara institusi pendidikan yang dibina di atas tanah wakaf, pondok tersebut juga memiliki cawangan di seluruh Indonesia yang dibina di atas tanah wakaf, bahkan ia memiliki tanah wakaf yang bukan digunakan sebagai tapak pembinaan, akan tetapi ia banyak juga tenah wakaf yang produktif. Selain Pondok Modern Darussalam Gontor terdapat banyak pondok-pondok di Nusantara seperti Patani, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak, Seberang Prai yang dibina di atas tanah wakaf.

4.4.2 Wakaf Bangunan Dayah

Masyarakat Islam tidak hanya mengamalkan wakaf tanah untuk kepentingan pendidikan, tetapi mereka juga mewakafkan bangunan yang akan digunakan untuk aktiviti-aktiviti pendidikan. Bangunan sebuah institusi sangatlah berperanan dalam proses pendidikan. Wakaf bangunan telah dikenal dalam sejarah Islam, banyak khalifah dan orang-orang kaya dermawan telah mewakafkan bangunan untuk digunakan sebagai asrama, kelas, perpustakaan dan lain-lain.

Bangunan infrastruktur sebuah dayah sangat penting dalam pembangunan sebuah institusi dayah. Infrastruktur ini terdiri ruangan belajar, asrama, masjid, dapur dan lain-lain. Wakaf merupakan salah satu antara cara untuk mendapatkan infrastruktur yang memadai di sebuah institusi pendidikan dayah.

Dayah Darul Ihsan Krueng Kalee memiliki beberapa bangunan yang bersumber daripada wakaf, antaranya bangunan Masjid yang sedang dibina merupakan bangunan dayah yang didapatkan melalui ibadah wakaf dari para orang-orang dermawan. Di dayah ini, bangunan yang dibina dengan beberapa sumber dana, antarnya pemerintah, NGO, Yayasan, dan wakaf. Masyarakat ikut berwakaf untuk bangunan yang dibina, biasanya mereka bagi sejumlah wang untuk dibelikan perlengkapan yang ingin diwakafkan seperti mereka memberikan sejumlah wang untuk dibelikan batu.

Di Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah, majoriti dari bangunan sumbernya adalah wakaf, dengan sejumlah bangunan yang sumbernya adalah bantuan dari pemerintah. Di Dayah Uswatun Hasanah kebanyakan infrastruktur merupakan bantuan dari berbagai pihak yang akadnya bukan wakaf.

Kalau pengkaji melihat, bahawa semangat orang untuk mewakafkan hartanya dalam bentuk bangunan masih lebih rendah dibandingkan semangat masyarakat mewakafkan harta berupa tanah kerana sebahagian besar masyarakat Aceh mengatakan bahawa wakaf tidak boleh dilakukan kecuali dengan ‘ayn yang kekal, wang bagi mereka merupakan sesuatu yang tidak kekal. Padahal wakaf wang telah difatwakan harus oleh Majlis Ulama Indonesia, dan telah menjadi amalan semenjak az-Zuhri. Dari tiga dayah yang dikaji, Dayah Mahyal

Ulum al-Aziziyah merupakan dayah yang paling banyak bangunannya yang berasal dari wakaf.

Amalan wakaf bangunan yang diterima oleh pihak dayah bersumber daripada masyarakat dan pemerintah. Masyarakat mewakafkan bangunan kepada dayah dengan beberapa cara, ada yang mewakafkan satu bangunan yang lengkap, membelikan bahan-bahan pembinaan, dan ada juga yang mewakafkan wang pembelian bahan-bahan pembinaan sesuai dengan kemampuan pewakaf. Pihak yang lain yang ikut mewakafkan bangunan adalah pihak pemerintah. Menurut Teungku Faisal Sanusi, semua bangunan yang ada di dayah adalah bangunan yang sifatnya adalah wakaf. Beliau mengatakan:

“Semua bangunan yang ada di dayah adalah merupakan wakaf dari pihak masyarakat, pemerintah dan juga pihak yayasan di dayah berkenaan.”⁴³

Kalau demikian, maka wakaf bangunan yang ada di dayah merupakan wakaf daripada masyarakat kerana mereka mewakafkan dengan tujuan tertentu iaitu ada wakaf bangunan untuk masjid ada juga wakaf bangunan lainnya yang diperlukan oleh dayah. Kerana ketika masyarakat mewakafkan bangunan, sama ada dengan membelikan bahan-bahan pembinaan mahupun dengan memberikan sejumlah wang untuk pembinaan, mereka telah dimaklumkan oleh pihak mengenai bangunan apa yang akan mereka wakafkan. Kemudian wakaf bangunan dari pihak pemerintah merupakan wakaf *irsad* iaitu wakaf yang dilakukan oleh pihak pemerintah dengan harta-harta yang bersumber dari Baitul Mal, sama ada harta alih mahupun harta tak alih berdasarkan kepada kepentingan dan kemaslahatan awam. Dalam hal ini pemerintah mewakafkan wang untuk pembinaan institusi pendidikan dayah.

⁴³ Teungku Muhammad Faisal Sanusi, Pimpinan *Dayah* Darul Ihsan Tgk Hasan Krueng Kalee. Temu bual telah dijalankan di ibu pejabat *dayah* di Siem Aceh Besar pada pukul 15.30 petang, bertarikh 12 Oktober 2013.

Dari sudut lafaz yang digunakan dalam wakaf harta bangunan ini adalah lafaz *sorih* iaitu lafaz yang jelas yang membawa maksud tertentu, lafaz ini digunakan oleh masyarakat yang mewakafkan hartanya dengan lafaz yang terang dan jelas mengenai maksud mereka mewakafkan bangunan. Sedangkan lafaz yang digunakan oleh pemerintah adalah lafaz *kinayah* iaitu dengan tidak menyebutkan secara terang bahawa itu merupakan wakaf, akan tetapi bantuan.

Wakaf tanah dan bangunan merupakan wakaf bentuk harta wakaf tak alih. Ini merupakan amalan semenjak zaman Rasulullah dan para sahabat. Ini selari dengan apa yang telah pengkaji huraiakan dalam bab II, di mana ulama seperti Ibn Qudamah, Ibn ‘Abidin dan al-Ramli pernah mengungkapkan bahawa semasa Rasulullah SAW, tidak ada wakaf yang dilakukan melainkan dalam bentuk tanah dan rumah.⁴⁴ Wakaf seperti inilah berlaku dalam pembiayaan pendidikan di dayah dengan penyediaan wakaf tanah sebagai tapak pembinaan dan selanjutnya wakaf bangunan untuk kepentingan dayah.

Dengan demikian, wakaf dalam bentuk bangunan pun telah berperanan penting dalam penyediaan bangunan-bangunan di institusi pendidikan dayah sama ada yang sifatnya khas dengan lafaz yang *sorih*, mahupun *irsad* dengan lafaz *kinayah*.

Berdasarkan konsep pembiayaan, maka wakaf tanah dan bangunan dayah termasuk dalam pembiayaan modal asal (*cost capital*) yang bersifat langsung (*direct cost*) iaitu penyediaan tapak pembinaan dan kemudahan asas berupa bangunan kelas, asrama, kelas, masjid,

⁴⁴ al-Kasanī ‘Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas’ud. *Badrī’al-Sanā’fi Tartīb al-Sharā’i*, (Beirut:Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 198. *Al-Mawsu’ah al-Fiqhiyyah*, Jil 1 (Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu’un al-Islamiyyah, 1993), 123-124.

dapur, di sebuah institusi pendidikan. Ini bermakna sumber pembiayaan institusi pembiayaan berasal dari pihak pemerintah dan masyarakat.

4.4.3 Wakaf Produktif untuk Membaiyai Kos Operasi Dayah

Wakaf pada asalnya adalah produktif kerana pengertian wakaf adalah menahan asal, berterusan manfaatnya. Sehingga wakaf menjadi amal jariah yang pahalanya tiada terputus kepada pewakaf. Wakaf produktif akan memberikan nilai lebih serta manfaatnya akan dirasakan lebih besar. Wakaf akan produktif jika nazirnya profesional dalam mentadbir aset wakaf. Banyak harta wakaf yang tidak produktif disebabkan kurangnya ilmu serta kemampuan nazir dalam menguruskan wakaf.

Kajian terhadap tiga dayah tersebut memberikan maklumat sejauhmana wakaf berperanan dalam pembiayaan institusi pendidikan dayah. Menurut analisis pengkaji, aspek inilah yang masih sangat kurang dimiliki oleh institusi dayah. Dari tiga dayah yang dikaji, hanya satu dayah sahaja yang ada memiliki aset wakaf produktif berupa usaha kedai furniture, koperasi, penternakan, perikanan dan perkebunan, iaitu Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah yang berusaha untuk menjadi dayah yang mandiri secara kewangan melalui wakaf. Semua jenis aktiviti tersebut dilaksanakan dalam kawasan dayah dan di atas tanah wakaf yang dimiliki oleh dayah yang berkenaan.

Dayah Mahyal Ulum memiliki pimpinan yang merangkap sebagai nazir fokus lebih terhadap wakaf sehingga segala daya upaya dikerahkan untuk menjadikan aset wakaf itu menjadi produktif serta menjadi sumber pendapatan kepada dayah sehingga dapat mengurangkan kos operasi dayah. Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah sepertimana telah

disebutkan dalam profil di atas bahawa dayah tersebut mendapatkan bantuan untuk wakaf produktif dari Badan Wakaf Indonesia (BWI). Namun Teungku Faisal Ali menyebut⁴⁵:

“Walau bagaimana pun, wakaf yang kami jalankan belum sampai pada tahap yang profesional, pengurusan dan pentadbiran masih dilakukan secara tradisional yang bermakna kami belum menubuhkan badan khas yang fokus dalam pembangunan aset wakaf.. Ini disebabkan oleh kekurangan pakar dalam pengurusan, kurangnya modal untuk membangunkan aset.”

Dayah Darul Ihsan Abu Krueng Kalee dan Dayah Uswatun Hasanah tidak memiliki aset wakaf yang produktif kerana disebabkan beberapa faktor juga, diantaranya tanah wakaf yang dimiliki hanya cukup untuk pembinaaan infrastruktur dayah. Adapun beberapa jenis usaha yang dimiliki oleh Dayah Uswatun Hasanah bukanlah merupakan aset wakaf, tetapi ia merupakan aset yang dimiliki oleh pihak yayasan. Itulah cerminan serta potret dari institusi dayah dalam menguruskan wakaf yang dimiliki.

Dari tiga dayah tersebut juga, pengkaji mengetahui bahawa dayah-dayah tersebut tidak memiliki Badan Wakaf Dayah yang fokus untuk menguruskan dan mencari aset-aset wakaf baru. Kalaupun ada aset wakaf yang dimiliki oleh dayah seperti Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah, tetapi aset mereka tidak ditadbir secara khas oleh Badan Wakaf Dayah.

Berdasarkan kajian di tiga dayah tersebut, sektor wakaf produktif merupakan wakaf yang belum secara maksimum dibangunkan. Sehingga semua kos operasi rutin (*recurring cost*) kepada aktiviti-aktiviti pendidikan seperti gaji guru, gaji pegawai dan penyediaan alat-alat

⁴⁵ Teungku haji Faisal Ali, Pimpinan *Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah* Sibreh Aceh Besar. Temu bual telah dijalankan melalui telefon pada pukul 11.20 pagi, bertarikh 15 Oktober 2013.

kemudahan dalam pengajaran bersumber dari pemerintah dan yuran pelajar serta bantuan daripada dermawan. Ini berdasarkan apa yang disampaikan oleh Teungku Cut Malem⁴⁶:

“Sumber pembiayaan pendidikan di Dayah Uswatun Hasanah adalah pemerintah, pihak swasta dan masyarakat. Ada pembiayaan yang berterusan ada juga yang bantuan tidak berterusan. Kadangkala kami daripada pihak dayah juga berhutang kepada individu yang berkemampuan untuk menanggung kos operasi dayah seperti pemakanan pelajar, kerana semua pelajar di sini pelajar yatim dan pelajar yang tidak mampu sehingga tidak dikutip sebarang yuran”

Oleh kerana tidak wujud pembiayaan melalui wakaf produktif di *dayah tersebut*, maka pembiayaan untuk aktiviti-aktivi pendidikan bergantung kepada kerajaan dan sumbangan daripada masyarakat, bahkan Dayah Uswatun Hasanah perlu berhutang kerana kekurangan kos dalam operasi.

Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah dan Dayah Uswatun Hasanah merupakan dua institusi dalam kajian ini yang memberikan pendidikan percuma kepada pelajar . Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah telah memulakan wakaf produktif, sedangkan Dayah Uswatun Hasanah belum mempunyai aset-aset wakaf yang produktif. Sedangkan Dayah Tgk Hasan Krueng Kalee pelajar juga dikenakan bayaran setiap bulan.

Untuk lebih jelas tentang pembiayaan pendidikan melalui wakaf ini, pengkaji membuatnya dalam jadual berikut.

⁴⁶ Teungku Haji Cut Malem, Pimpinan *Dayah* Uswatun Hasanah Blang Nibong. Temu bual telah dijalankan melalui telefon pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 24 Oktober 2013.

Jadual 4.2
Perbandingan Pembiayaan Pendidikan melalui wakaf di Aceh

No.	Nama Dayah	Aspek Pembiayaan		
		Wakaf Tanah	Wakaf Bangunan	Wakaf Produktif
1	<i>Dayah Darul Ihsan Abu Krueng Kalee</i>	✓	✓	✗
2	<i>Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah</i>	✓	✓	✓
3	<i>Dayah Uswatun Hasanah</i>	✓	✗	✗

Banyak kajian telah menyebutkan bahawa wakaf produktif telah berjaya memperkasakan institusi-institusi dalam sejarah Islam. Universiti Al-Azhar Kaherah Mesir merupakan sebuah universiti yang terulung di dunia dan telah berjaya melahirkan cendikiawan Islam dari seluruh pelusuk dunia. Menurut sejarah, Universiti dijadikan sebagai institusi pendidikan yang menawarkan pelbagai cabang ilmu pengetahuan seperti Hadith, Tafsir, Tauhid, Ulum Quran, Sejarah, Sastera, Bahasa dan sebagainya. Selama lebih 800 tahun Universiti Al-Azhar ini dibiayai melalui dana wakaf. pembangunan universiti Al-Azhar pada awalnya telah dibiayai melalui dana wakaf dan sehingga kini ia masih lagi diasaskan dan ditadbir melalui sumber wakaf.⁴⁷

Selain al-Azhar Mesir, Di Indonesia, Pondok Modern Gontor Ponorogo, Badan Wakaf Universiti Islam Indonesia (UII) Yogyakarta, dan Pesantren Tebuireng Jombang Jawa Timur, merupakan beberapa gambaran perlumbagaan wakaf yang dikembangkan dalam

⁴⁷ Mushtafa al-Siba'i, *Min Rawā'ī Hadāratina*, (Kaherah: Dār al-Warrāq, 1420 H),199-204.

bentuk pelaburan yang manfaatnya dipergunakan untuk pengembangan pendidikan.⁴⁸ Tidak hairan apabila beberapa lembaga pendidikan yang berasaskan wakaf di Indonesia tidak bisa berkembang mandiri dan selalu bergantung pada subsidi pemerintah dan sumbangan daripada masyarakat.⁴⁹ Institusi tersebut antara yang boleh dijadikan rujukan dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf produktif.

4.5 Analisis Halangan dan Solusi dalam Pembiayaan Pendidikan Melalui Wakaf di Aceh

Dalam Agama Islam, ada beberapa instrumen dana sosial yang dapat digunakan untuk tujuan pendidikan, diantaranya adalah wakaf. Wakaf merupakan instrumen dana sosial khas Islam yang banyak manfaat dan kegunaannya. Sejarah Islam telah membuktikan bahawa wakaf dapat menjadi sumber dana bagi dunia pendidikan.⁵⁰

Halangan dalam mengembangkan wakaf pendidikan sama dengan halangan dalam mengembangkan wakaf pada umumnya. Halangan-halangan itu datang dari pihak-pihak yang terlibat dalam pentadbiran dan pengurusan harta wakaf. Pengkaji akan menganalisis tiga faktor halangan dan solusi dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf, iaitu Nazir, kerajaan dan juga masyarakat.

Ada institusi pendidikan yang berasaskan wakaf telah berjaya dalam pembiayaan pendidikan sehingga pada tahap yang lebih berkesan. Namun terdapat banyak pula institusi pendidikan yang belum mampu mengembangkan wakaf secara produktif dan lebih

⁴⁸ Chaider S. Bamualim dan Irfan Abubakar (ed.), *Revitalisasi Filantropi Islam: Studi Kasus Lembaga Zakat dan Wakaf di Indonesia*. (Jakarta: Pusat Bahasa dan Budaya UIN Syahid, 2005), 217-296.

⁴⁹ Amin Isfandiar, “Tinjauan Fiqh Muamalat dan Hukum Nasional tentang Wakaf di Indonesia”, *Jurnal Ekonomi Islam La_Riba*, 79.

⁵⁰ Ahmad Furqon, Wakaf Sebagai Solusi Permasalahan Dunia Pendidikan Di Indonesia, *Jurnal At-Taqaddum*, Volume 4, Nomor 2, Nopember 2012. 48.

berkesan dalam pembiayaan pendidikan. Antaranya adalah institusi pendidikan *dayah* yang menjadi tempat kajian ini dijalankan. Banyak halangan yang masih wujud dalam membangunkan aset wakaf secara profesional sehingga wakaf dapat memberikan kesejahteraan kepada dayah. Antara halangan tersebut, pengkaji menganalisa tiga halangan yang utama dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh.

4.5.1 Nazir Wakaf

Berdasarkan kajian lepas dan temu bual pengkaji dengan beberapa pihak yang terlibat dalam pentadbiran wakaf di Aceh, sama ada dari pihak Baitul Mal Aceh, Kementerian Agama Provinsi Aceh serta pihak pengurus institusi pendidikan dayah, maka pengkaji menganalisis halangan dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf di Aceh. Halangan yang pertama adalah pihak nazir sebagai pihak yang diamanahkan untuk menjaga serta mengembangkan wakaf agar dapat memberikan manfaat secara berterusan.

Dalam pengembangan harta wakaf produktif, pihak yang paling berperanan berjaya tidaknya pemanfaatan harta dan pengembangannya ialah nazir wakaf, iaitu seseorang atau sekumpulan orang dan badan hukum yang diserahi tugas oleh waqif untuk mengelola dan mengembangkan wakaf.⁵¹

Berdasarkan kajian, pengkaji mendapati ada beberapa halangan dalam pembiayaan wakaf yang berkenaan dengan nazir, antaranya adalah kurangnya kefahaman nazir terhadap hukum wakaf dan cara mengembangkan dan membangunkan harta wakaf secara profesional, dan kurangnya modal untuk mengembangkan harta-harta wakaf yang ada.

⁵¹ Departemen Agama, *Perkembangan Pengelolaan Wakaf di Indonesia*, (Jakarta: Proyek Peningkatan Pemberdayaan Wakaf Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Penyelenggaraan Haji, 2004), 42.

Pertama, Nazir tidak memahami seutuhnya syariat wakaf ini yang mencakup hukum-hukum syariat yang berkaitan dengan wakaf dan kurang profesional dalam membangunkan harta wakaf sehingga memberikan pulangan . Banyak nazir yang tidak faham akan hak dan kewajibannya terhadap tanah wakaf. Ini dialami oleh kebanyakan nazir wakaf di Aceh. Ada kes yang berlaku sebahagian nazir kurang amanah, seperti melakukan penyimpangan dalam pengelolaan, kurang melindungi harta wakaf, dan kecurangan-kecurangan lain, sehingga memungkinkan wakaf tersebut berpindah tangan.⁵² Ini selari dengan pandangan Teungku Mukzi menyebut:⁵³

“Antara impak nazir tidak memahami hukum wakaf secara utuh adalah terdapat banyak nazir yang tidak menguruskan sijil tanah wakaf, sehingga berlaku pertikaian antara nazir dan ahli waris pewakaf, dan ada pula keturunan nazir yang mengatakan bahawa tanah itu miliknya.”

Teungku Mukzi Abdullah menerangkan pula perkembangan wakaf di Aceh terkini dari sudut nazir, banyak nazir hanya memanfaatkan hasil semula jadi dari harta wakaf seperti hasil kelapa yang ada di atas tanah wakaf, kerana kurang kefahaman ini banyak tanah wakaf yang terbiar, beliau menyebut:⁵⁴

“salah satu halangan besar dalam pembangunan wakaf di Aceh adalah kurangnya kefahaman nazir kepada hukum yang berkaitan dengan wakaf, dan kurangnya kefahaman mereka dalam mengembangkan wakaf secara komersial. Bahkan ada nazir yang hanya menerima hasil semula jadi daripada tanah wakaf, dan apabila hasil sudah tidak ada, maka tanah wakaf tersebut menjadi terbiar.”

⁵² Uswatun Hasanah, Problem Pengelolaan Wakaf di Indonesia, Makalah disampaikan pada Pengukuhan Guru Besar Hukum Islam di Universitas Indonesia, tanggal 6 April 2009.

⁵³ Teungku Mukzi Abdullah, Ketua Bahagian Pentadbiran Wakaf di Kementerian Agama Provinsi Aceh. Temu bual telah dilaksanakan di ibu pejabat yang beralamat di Jalan Tgk. Abu Lam U No. 9 Banda Aceh pada pukul 15.00 petang, bertarikh 12 Oktober 2013.

⁵⁴ Teungku Mukzi Abdullah, Ketua Bahagian Pentadbiran Wakaf di Kementerian Agama Provinsi Aceh. Temu bual telah dilaksanakan di ibu pejabat yang beralamat di Jalan Tgk. Abu Lam U No. 9 Banda Aceh pada pukul 15.00 petang, bertarikh 12 Oktober 2013.

Selain kurangnya kefahaman nazir terhadapa hukum asas dalam wakaf, ada pula nazir yang kurang kefahaman dalam pengurusan wakaf secara moden seperti tidak profesional dalam pemberdayaan aset-aset wakaf, dan tidak memiliki jiwa usahawan dalam diri mereka.⁵⁵ Banyak nazir yang tidak mampu berbuat apa-apa terhadap harta wakaf yang telah diserahkan oleh wakif sehingga harta wakaf tidak berfungsi secara maksimal sehingga wakaf itu tidak mampu mensejahterakan nazir itu sendiri, apalagi mensejahterakan umat secara keseluruhan.

Maka dalam konteks wakaf pendidikan di dayah, maka nazirnya adalah pengerusi atau pengetua di dayah berkenaan. Kefahaman mereka terhadap hukum asas wakaf telah memadai, namun sepertinya halnya nazir yang lain, mereka masih belum memahami cara pengurusan dalam membangunkan harta wakaf secara moden serta mengembangkannya sehingga wakaf bertambah dan memberikan pulangan yang berkesan kepada dayah. Antara tiga institusi dayah yang telah pengkaji kaji, pihak dayah sebagai nazir masih kurang tindakan-tindakan yang lebih memberangsangkan dalam pembangunan dan pengembangan wakaf. Berdasarkan kepada temu bual dengan pimpinan, pengkaji mendapati bahawa tindakan-tindakan ke arah pembiayaan pendidikan telah dilakukan, seperti Dayah Abu Krueng Kalee telah melaksanakan kaedah *istibdal*, dan pihak Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah telah memulakan pembangunan wakaf secara produktif, seperti adanya kedai Furniture, perkebunan dan beberapa jenis wakaf produktif yang telah dijalankan. Namun diperlukan kefahaman yang lebih mendalam kepada pengurusan yang lebih moden dan berkesan.

⁵⁵ Departemen Agama, *Perkembangan Pengelolaan Wakaf di Indonesia*, 44-45.

Kedua, kurangnya modal dalam mengembangkan harta wakaf menjadi permasalahan serius di kalangan nazir persendirian maupun nazir institusi. Ada tanah wakaf, tetapi tidak ada modal yang cukup untuk membangunkan aset wakaf tersebut sehingga bernilai komersil sehingga aset wakaf terbiar.

Dalam konteks wakaf pendidikan, kekurangan modal juga menjadi persoalan yang utama ketika aset wakaf hendak dibangunkan. Sehingga pembangunan wakaf hanya dilakukan seadanya. Teungku Faisal Ali menyatakan:⁵⁶

“Antara halangan dalam pembangunan aset wakaf di dayah kami adalah kekurangan modal. Alhamdulillah kami mendapatkan modal Rp500,000,000 dari Badan Wakaf Indonesia untuk mengembangkan wakaf produktif pada tahun 2011.”

Kefahaman terhadap hukum wakaf dan pengurusannya belum cukup untuk membangunkan harta wakaf yang produktif, diperlukan modal wang yang cukup untuk itu. Selain Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah, Dayah Uswatun Hasanah dan Dayah Abu Krueng Kalee perlu mencarikan aset wakaf untuk dibangunkan sehingga pulangannya mampu menanggung sebahagian kos operasi dayah, kerana dua dayah ini belum mempunyai aset wakaf yang produktif, hanya tanah sebagai tapak pembinaan dayah dan wakaf bangunan.

Ketiga, halangan pembiayaan wakaf dari pihak nazir wakaf di dayah-dayah tempat pengkaji melaksanakan kajian adalah tidak wujud di setiap dayah sebuah badan khas yang berperanan dalam pengurusan dan pembangunan wakaf dayah. Pembangunan wakaf yang dilakukan selama tidak ditadbir secara profesional oleh orang-orang yang pakar dalam

⁵⁶ Teungku Faisal Ali, Pimpinan *Dayah Mahyal Ulum al-Aziziyah* Sibreh Aceh Besar. Temu bual telah dijalankan melalui telefon pada pukul 11.20 pagi, bertarikh 15 Oktober 2013.

bidang berkenaan. Ini berdasarkan temu bual dengan pengerusi-pengerusi dayah.⁵⁷ Tidak wujudnya badan khas dalam pengurusan dan pembangunan wakaf dalam carta organisasi dayah memberikan kesan bahawa dayah kurang memberikan perhatian kepada sektor ini.

Usaha-usaha untuk menyelesaikan halangan dari pihak nazir yang masih kurang kefahaman kepada hukum-hukum yang berkenaan wakaf, telah dilakukan oleh pihak Kementerian Agama Provinsi Aceh bekerjasama dengan Baitul Mal Aceh dengan mengadakan seminar-seminar, pelatihan nazir untuk memberikan kefahaman yang utuh tentang wakaf dan bagaimana pengurusan wakaf yang lebih berkesan sehingga tercapai maqasid syariah dibalik pensyariatan amalan wakaf. Kementerian Agama Provinsi Aceh mempunyai pandangan yang sama dengan Ketua Ketua Baitul Aceh, beliau menyatakan:⁵⁸

“Pelatihan-pelatihan kepada nazir telah diberikan, dan akan dilakukan secara berterusan untuk memberikan impak yang nyata dalam pembangunan wakaf di Aceh. Dan kini telah dibentuk Forum Nazir yang akan memudahkan usaha-usaha ini ke masa hadapan. Seminar dan pelatihan nazir merupakan bentuk kerjasama antara dua institusi yang mempunyai peranan dalam pembangunan wakaf di Aceh, iaitu Kementerian Agama Provinsi Aceh dan Baitul Mal Aceh.”

Pihak Kementerian Agama Provinsi Aceh juga telah membentuk Forum Nazir yang mempunyai cawangan di seluruh Aceh. Dengan wujudnya forum ini akan memudahkan komunikasi antara nazir-nazir yang ada di wilayah berkenaan. Forum nazir juga sebagai wasilah untuk menyampaikan idea-idea dari pihak nazir kepada pemerintah dan institusi wakaf dalam hal pembangunan wakaf ke arah yang lebih baik.

⁵⁷ Temu bual dengan Teungku Faisal Sanusi, Pimpinan *Dayah* Tgk. Hasan Krueng Kalee, Temu bual dengan Teungku Faisal Ali, Pimpinan *Dayah* Mahyal Ulum al-Aziziyah, dan Temu bual dengan Teungku Cut Malem, Pimpinan *Dayah* Uswatun Hasanah.

⁵⁸Tuan Haji Ibnu Sa'dan Ibrahim, Ketua Kementerian Agama Provinsi Aceh. Temu bual telah dijalankan melalui aplikasi *We Chat* pada puku 3.00 petang, bertarikh 2 Januari 2014.

Kekurangan modal untuk pembangunan wakaf merupakan masalah yang besar yang dihadapi oleh nazir selama ini. Bantuan-bantuan dari kerajaan sangat terhad untuk pembangunan wakaf termasuk wakaf pendidikan. Masalah ini memerlukan kreativiti nazir dalam mencari sumber kewangan, salah satu caranya adalah bekerjasam dengan institusi kewangan Islam untuk mendapatkan modal sepetimana berlaku untuk pembiayaan modal usaha yang lain.

Pihak institusi pendidikan dayah perlu membentuk sebuah badan khas di dayah untuk pengurusan, pengembangan wakaf secara berterusan, kerana institusi yang berjaya mempunyai badan khas dalam pengurusan wakaf, seperti Pondok Modern Darussalam Gontor mempunyai badan khas yang dikenal Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern Gontor (YPPWPM) yang dibentuk pada tahun 1958 yang bertujuan untuk mengawal semangat berdikari tetap hidup sesuai amanah para *founding father*.⁵⁹ YPPWPM telah berjaya meningkat keluasan harta wakaf dari pada tahun 1926-1985 keluasan tanah wakaf 224.08 ekar menjadi 727.37 pada tahun 2011-2012.⁶⁰ Sebuah pencapaian yang besar dilakukan oleh YPPWPM dalam melakukan pengembangan dan pembangunan wakaf di Pondok Modern Darussalam Gontor. Ini menjadi teladan bagi institusi pendidikan *dayah* di Aceh.

4.5.2 Kerajaan

Kerajaan menjadi halangan dalam pengembangan wakaf produktif termasuk wakaf pendidikan. Kerajaan berperanan dalam membuat perundungan wakaf yang dapat

⁵⁹ Chaider S. Bamualim dan Irfan Abu Bakar, (ed), *Revitalisasi Filantropi Islam, Studi Kasus Lembaga Zakat dan Wakaf di Indonesia*, (Jakarta: PBB UIN, 2005), x.

⁶⁰ Majalah Warta Dunia (Wardun) Pondok Modern Darussalam Gontor, (Gontor: Gontor Ponorogo Press, 2012).

diterapkan ke arah memajukan wakaf dan memartabatkan wakaf. Aceh telah mengeluarkan qanun Baitul Mal yang di dalamnya diatur tentang zakat dan wakaf. Namun dalam realitinya qanun wakaf tidak dapat dijalankan secara maksimum oleh Baitul Mal sebagai institusi yang dibentuk oleh pemerintah Aceh untuk menguruskan perihal zakat dan wakaf. Kenyataan ini bukan tanpa sebab, pihak pengurus Baitul Mal menyebut:⁶¹

“Baitul Mal selama ini tidak menguruskan wakaf, fokus selama ini adalah dalam pengurusan zakat dan telah memberikan kemajuan yang besar dari penerimaan dan pengagihan. Pegawai di Baitul Mal tidak cukup untuk menguruskan wakaf, dan qanun tentang wakaf ditadbir oleh terlalu umum. Kami tidak memiliki data tentang wakaf. Pengembangan wakaf sekarang ini ada di Kementerian Agama Provinsi Aceh.”

Menurut analisis pengkaji kepada beberapa temu bual dengan pihak Baitul Mal, mendapati bahawa adanya qanun khas wakaf yang menjelaskan secara terperinci dalam pengurusan wakaf, dan yang tidak bertentangan perundangan Indonesia, kerana Aceh merupakan daerah autonomi yang boleh membuat qanun tersendiri, tapi yang berlaku sekarang seakan berlakunya pertentangan antara qanun Aceh dan undang-undang Wakaf Indonesia. Ketua Baitul Mal menyebut:⁶²

“Pihak Baitul Mal Aceh sedang merancang pengubahsuaian kepada qanun No. 10 tahun 2007 tentang Baitul. Diharapkan selepas adanya qanun khas wakaf, maka pengurusan wakaf menjadi lebih baik. Sekarang seakan pengurusan wakaf di Aceh kurang jelas antara Baitul Mal Aceh dan Kementerian Agama Provinsi Aceh.”

Menurut Dr. Armiadi tidak wujudnya institusi dalam pengurusan wakaf secara penuh dan berwibawa memberikan kesan terhadap pembangunan wakaf di Aceh pada umumnya, serta

⁶¹ Encik Sayed Muhammad Husen, Pegawai Pentadbiran Baitul Mal Aceh. Temu bual telah dijalankan di ibu pejabat Baitul Mal yang beralamat di jalan Teuku Nyak Arif Komplek Keistimewaan Banda Aceh pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 4 Oktober 2013.

⁶² Dr. Armiadi Musa, Ketua Baitul Mal Aceh. Temu bual dilakukan melalui telefon pada pukul 2.00 petang, bertarikh 4 Januari 2014.

impak juga kepada wakaf pendidikan di Aceh. Hal ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh pihak Teungku Mukzi Abdullah:⁶³

“Pembangunan wakaf memerlukan sokongan penuh dari kerajaan, perlu adanya sebuah Institusi yang khas dan mempunyai kekuatan dalam pengurusan wakaf ke arah yang lebih baik. Bahagian yang menguruskan wakaf di Kementerian Agama adalah bahagian yang kecil sahaja yang namanya pun tidak dikenal orang ramai, iaitu PENAISZAWA.”

Halangan yang lain dari pihak kerajaan adalah kerajaan belum memberikan fatwa yang cukup kepada pembangunan wakaf di Aceh seperti belum adanya fatwa tentang wakaf wang di Aceh, dan fatwa-fatwa yang lain yang diperlukan oleh masyarakat dalam pembangunan wakaf. Menurut Ketua bahagian pengurusan wakaf di Kementerian Agama Provinsi Aceh juga menyebut:⁶⁴

“fatwa-fatwa Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) yang berkenaan dengan wakaf sangat terbatas, belum wujudnya fatwa wakaf wang sangat memberikan impak kepada pembangunan wakaf kontemporari. Fatwa wakaf wang dari Majlis Ulama Indoensia adalah harus. Namun fatwa MPU dalam konteks Aceh sangat diperlukan.”

Aceh merupakan wilayah autonomi, di mana Aceh boleh membuat perundang-undangan sendiri termasuk dalam fatwa dan qanun wakaf. Masyarakat Aceh masih belum mengamalkan wakaf wang, dikeraanakan mazhab Shafi’ie tidak membolehkannya dengan alasan ‘ayn daripada wang tidak. Itulah persepsi masyarakat sebagaimana yang dijelaskan oleh Teungku Mukzi bahawa banyak ulama di Aceh tidak membolehkan wakaf wang. Sehingga ini juga dapat memberikan kesan kepada pembangunan wakaf pendidikan di

⁶³ Teungku Mukzi Abdullah, Ketua Bahagian Pentadbiran Wakaf di Kementerian Agama Provinsi Aceh. Temu bual telah dilaksanakan di ibu pejabat yang beralamat di Jalan Tgk. Abu Lam U No. 9 Banda Aceh pada pukul 15.00 petang, bertarikh 12 Oktober 2013.

⁶⁴ Teungku Mukzi Abdullah, Ketua Bahagian Pentadbiran Wakaf di Kementerian Agama Provinsi Aceh.

Aceh. Wakaf wang merupakan wakaf yang dapat dilaksanakan oleh orang ramai bergantung kepada kemampuan kewangan masing-masing individu.⁶⁵

Kerajaan memiliki peranan yang besar dalam pembangunan wakaf di Aceh. Berdasarkan permasalahan dan temu bual-temu bual yang telah dijalankan yang melibatkan pihak-pihak pentadbiran wakaf selama ini, maka penyelesaiannya adalah kerajaan hendaklah mengambil berat dalam penyediaan qanun pentadbiran wakaf yang lebih terperinci dan mencakup semua aspek dalam pengurusan wakaf yang produktif. Mengingat ada potensi yang sangat besar untuk mensejahterakan umat melalui amalan wakaf. Harapan dibalik qanun yang akan lahir, wujudnya sebuah institusi pengurusan yang berwibawa dan mempunyai kepakaran dalam pentadbiran wakaf di Aceh. Berdasarkan temu bual pada halangan pembiayaan pendidikan melalui wakaf, perlu adanya sebuah institusi pentadbiran wakaf yang sentral di mana, di mana ia akan jadi rujukan semua pihak dalam pentadbiran wakaf di Aceh.

Selain wujudnya qanun dan institusi pentadbiran wakaf dengan pengurusan yang profesional, kerajaan juga perlu menyokong lahirnya fatwa-fatwa yang berkenaan dengan pembangunan wakaf ke tahap yang lebih memberangsangkan, seperti fatwa tentang wakaf wang yang selama ini belum menjadi amalan orang ramai di Aceh. Untuk kejayaan pembangunan wakaf di Aceh, pihak kerajaan mesti memberikan sokongan yang lebih besar kepada amalan wakaf ini, sama ada sokongan langsung seperti memberikan bantuan kepada nazir-nazir dalam pembangunan wakaf, mahupun sokongan-sokongan yang tidak langsung berupa motivasi dan semangat kepada semua lapisan masyarakat untuk mengamalkan budaya wakaf.

⁶⁵ *Ibid.*

4.5.3 Masyarakat

Pada umumnya masyarakat belum memahami hukum wakaf dengan baik dan benar, baik dari segi rukun dan syarat wakaf, mahupun maksud disyariatkannya wakaf.⁶⁶

Ada beberapa kefahaman yang salah yang berkaitan dengan masyarakat sebagai pewakaf. antaranya⁶⁷ iaitu *pertama*, wakif hanya ikrar sahaja tanpa sijil ketika mereka menyerahkan harta wakaf kepada nazir. Ini juga akan menimbulkan masalah di kemudian hari berupa pertikaian kepemilikan harta wakaf tersebut.

Kedua, harta yang boleh diwakafkan. Masyarakat pada amnya memahami bahawa wakaf hanyalah wakaf tanah, sehingga orang yang miskin tidak mengamalkan amalan wakaf ini. Seakan wakaf hanya dapat dilakukan oleh orang-orang kaya sahaja.

Ketiga, boleh tidaknya *istibdal*. Dan yang difahami kebanyakan masyarakat bahawa wakaf tidak boleh ditukar dengan alasan apapun sehingga banyak tanah wakaf yang letaknya tidak strategik terbiar tanpa ada pembangunan dan pengembangan. Padahal konsep *istibdal* akan memberikan manfaat dalam pengembangan harta-harta wakaf yang letaknya tidak strategik untuk ditukarkan kepada harta wakaf yang lebih strategik.

Semua pihak berperanan untuk memberikan kefahaman masyarakat terhadap wakaf secara utuh. Masyarakat pada masa ini di Aceh hanya mengenal wakaf tanah dan bangunan sahaj. Pihak kerajaan, swasta, institusi pentadbiran wakaf hendaklah melakukan kempen-kempen

⁶⁶ Uswatun Hasanah, Problem Pengelolaan Wakaf di Indonesia, Makalah disampaikan pada Pengukuhan Guru Besar Hukum Islam di Universitas Indonesia, tanggal 6 April 2009.

⁶⁷ Departemen Agama, *Perkembangan Pengelolaan Wakaf di Indonesia*, 34-38.

secara berterusan untuk merubah kefahaman masyarakat dalam memandang wakaf sehingga akan bersemangat untuk mengamalkan amalan mulia ini.

Usaha-usaha untuk memberikan kefahaman ini akan mengambil masa yang lama, kerana sudah lama juga pandangan keliru tentang wakaf mereka yakini. Sayed Muhammad Husen menyatakan:⁶⁸

“Untuk menumbuhkan kesedaran masyarakat terhadap wakaf memerlukan masa yang lam, sama halnya ketika kita menumbuhkan kesedaran kepada masyarakat berzakat beberapa tahun yang lepas. Usaha yang berterusan akan memberikan impak.”

Ketika semua lapisan masyarakat telah menyedari akan pentingnya amalan wakaf untuk meningkatkan kesejahteraan umat dalam semua aspek kehidupannya, maka saat itulah wakaf akan berperanan kembali dalam kehidupan masyarakat Islam kerana tanpa adanya masyarakat yang menyokong dan mengamalkan amalan wakaf ini, maka pembangunan wakaf tidak akan bergerak ke arah yang lebih baik.

4.6 Kesimpulan

Wakaf mempunyai peranan dalam pembiayaan pendidikan. Wakaf berperanan dalam menyediakan tanah sebagai tempat ditubuhkannya dayah, wakaf berperanan dalam menyediakan bangunan infrastruktur dayah, dan wakaf produktif mampu membuat dayah lebih berdikari.

Terdapat halangan-halangan dalam pembiayaan pendidikan melalui wakaf di aceh, di mana halangan-halangan tersebut berpunca daripada tigak pihak yang terlibat dalam

⁶⁸ Encik Sayed Muhammad Husen, Pegawai Pentadbiran Baitul Mal Aceh. Temu bual telah dijalankan di ibu pejabat Baitul Mal yang beralamat di jalan Teuku Nyak Arif Komplek Keistimewaan Banda Aceh pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 4 Oktober 2013.

pembangunan wakaf, iaitu pihak nazir, kerajaan dan masyarakat. Antara halangan yang melibatkan pihak nazir adalah kurangnya kefahaman nazir kepada hukum-hukum yang berkenaan dengan wakaf dan kaedah-kaedah pengurusan yang berkesan, kekurangan modal dalam membangunkan aset wakaf dan tidak wujudnya Badan Wakaf yang khas dalam pentadbiran wakaf di dayah.

Halangan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan penyediaan qanun khas pendbiran wakaf di Aceh, fatwa-fatwa berkenaan dengan amalan wakaf dan perlu adanya sebuah institusi yang sentral dalam pentadbiran dan pengurusan wakaf di Aceh. Sedangkan halangan daripada pihak masyarakat pula, kurangnya kefahaman masyarakat terhadap wakaf sehingga memberikan impak kepada pembangunan wakaf di Aceh kerana tanpa adanya masyarakat yang menyokong dan mengamalkan amalan wakaf ini, maka pembangunan wakaf tidak akan bergerak ke arah yang lebih baik.